

Jilid I  
Bil. 21



Hari Selasa  
4hb November, 1986

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 2769]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 2806]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 2806]**



MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S, S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSI AH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY JAFFREY (Silam).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Taph).
- .. TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- .. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,  
B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,  
P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,  
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,  
A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K.  
(Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.  
(Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.  
(Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek  
Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.  
(Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titivangsa).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,  
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim



MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 4hb November, 1986

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

KEMAS—PERANAN PEGAWAI

1. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan mengenai peranan pegawai-pegawai Kemajuan Masyarakat, Bahagian Kementerian diwujudkan untuk membantu Kerajaan membangun masyarakat luar bandar supaya lebih produktif memahami dasar-dasar Kerajaan serta menjadi tulang belakang pemerintahan. Setakat ini sejauh manakah peranan yang dimainkan oleh pihak berkenaan selain daripada mengadakan kelas-kelas tabika dan kelas-kelas jahitan dan memasak.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, peranan Pegawai-pegawai Kemajuan Masyarakat adalah untuk mencapai objektif KEMAS seperti berikut:

- (i) Mengubah sikap dan menyemaikan perasaan kesedaran di kalangan masyarakat untuk membina

satu masyarakat yang maju dan berdikari;

- (ii) Mewujudkan daya inisiatif dan perasaan tanggungjawab setiap anggota masyarakat dalam pembangunan sosial, ekonomi dan politik;
- (iii) Melibatkan rakyat untuk turut serta secara aktif bagi menjayakan matlamat Kerajaan dan negara; dan
- (iv) Mengeratkan kerjasama di kalangan rakyat dan di antara rakyat dan Kerajaan.

Objektif-objektif tersebut dapat dicapai melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan iaitu selain daripada Kelas Tabika, Kelas Jahitan dan Masakan, adalah seperti berikut:

- (i) Projek Kesejahteraan Keluarga;
- (ii) Kumpulan agama;
- (iii) Khutub-khanah Desa;
- (iv) Berbagai Kumpulan Latihan Kerja;
- (v) Rancangan Pedoman Tugasan;
- (vi) Rancangan Desa Usaha; dan
- (vii) Mengadakan Kelas Bimbingan Pelajar.

Bahagian Kemajuan Masyarakat juga mengendalikan Kursus Gerak Sedar kepada pelajar-pelajar MARA yang hendak dihantar ke luar negeri dan kepada pelajar-pelajar Maktab Rendah Sains MARA, di samping kepada anggota KEMAS sendiri.

**Tuan Haji Hussein bin Haji Taib:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat, dengan izin, syllabus bagi kelas-kelas Tabika yang begitu tinggi dan mungkin tidak sesuai dengan alam kanak-kanak yang di bawah umur dan juga mungkin tidak selaras dengan sukatan pelajar di bawah sistem KBSR?

Soalan kedua, oleh kerana terdapat pada masa ini beberapa kekosongan jawatan dalam Kementerian ini, adakah pihak Kementerian ini bercadang untuk mengisinya?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar bahawa sukatan pelajaran yang diajar di Taman Bimbingan Kanak-kanak KEMAS merupakan agak tinggi jika dibandingkan dengan setahun yang lalu, tetapi jika dibandingkan dengan kelas-kelas ataupun Sekolah-sekolah Kindergarten yang terdapat di kawasan-kawasan bandar, maka sukatan pelajaran yang ada di T.B.K. KEMAS itu adalah selaras dan kalau dahulu Kementerian hanya berkehendakkan pelajar-pelajar ini mengenal huruf tetapi kali ini Kementerian berkehendakkan supaya mereka itu tahu membaca dan juga mengeja. Jadi dengan cara ini, saya merasakan bahawa kelas T.B.K. ini adalah selaras dengan kelas-kelas kindergarten yang ada di bandar dan kita mahu pelajar-pelajar kita supaya setanding dengan pelajar-pelajar yang pergi ke kindergarten swasta.

Berkenaan dengan soalan yang kedua itu, jika keadaan ekonomi mengizinkan, kita akan mewujudkan lebih banyak lagi kelas-kelas T.B.K. di kawasan-kawasan luar bandar dan juga kawasan-kawasan yang berhampiran dengan bandar.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Berdasarkan kepada bidang tugas pemaju-pemaju masyarakat ini agak tinggi dan penting dalam masyarakat iaitu ke arah untuk membangun semula masyarakat, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menyemak semula perlantikan pemaju-pemaju masyarakat ini dan kemungkinan besar adakah Yang Berhormat bercadang untuk melantik graduan-graduan yang menganggur sekarang menggantikan pemaju-pemaju masyarakat oleh kerana bidang tugas ini cukup penting?

Soalan saya yang kedua, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berfikir pemaju-pemaju masyarakat ini berkemungkinan besar dipergunakan oleh orang-orang tertentu, oleh kerana tugas mereka ialah penting dalam masyarakat untuk kepentingan-kepentingan tertentu. Kalau ya, bagaimanakah cara-caranya bagi membolehkan supaya terdapat pengawalan terus kepada pemaju-pemaju masyarakat itu?

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau yang memandang begitu penting sekali peranan yang dimainkan oleh KEMAS mungkin di kawasan beliau ataupun di negeri Perlis sendiri. Saya bersetuju dengan pendapat beliau bahawa kita boleh melantik mereka yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi ke dalam KEMAS. Tetapi apa yang lebih penting kita maklumi ialah mereka ini adalah penggerak masyarakat dan untuk menggerakkan masyarakat, kadangkala kadangkala kelulusan akademik sahaja tidak mencukupi. Apa yang penting kepada mereka ini ialah juga pengalaman dan percampungan mereka dengan masyarakat.

Berkenaan dengan perkara yang kedua tadi, mengenai adanya orang-orang yang menggunakan ataupun memeralatkan KEMAS, saya rasa perkara ini tidak timbul oleh kerana anggota-anggota KEMAS sendiri merupakan mereka yang memang dengan sendirinya mempunyai pengaruh dalam masyarakat dan mereka juga mempunyai daya pemikiran mereka sendiri. Saya rasa tidaklah begitu mudah bagi seseorang pemimpin ataupun mana-mana pihak hendak mempergunakan KEMAS untuk tujuan-tujuan yang lain daripada tujuan yang dikehendaki oleh Kerajaan.

**Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa peranan utama KEMAS ialah untuk menjadi jentera utama kepada parti yang memerintah, iaitu perannya untuk memperkuat parti yang memerintah, lebih dari peranan untuk memperkuat Kerajaan, KEMAS telah gagal untuk membantu masyarakat luar bandar untuk memahami dasar-dasar Kerajaan tetapi dengan perannya itulah menjadikan masyarakat mengikut sahaja Kerajaan.

**Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, jika soalan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa tugas KEMAS yang utama ialah untuk memperkukuhkan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan, maka saya setuju. *(Tepuk)*

## HASIL KUTIPAN NEGERI SABAH/SARAWAK

2. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil dalam negeri yang dipungut dari Sabah dan Sarawak, dan

jumlah wang yang telah dikembalikan kepada negeri berkenaan melalui projek-projek pembangunan bagi tahun-tahun 1983 hingga 30-9-1986, serta sama ada pengurangan peruntukan di Sabah dikaitkan dengan ugutan politik ke atas orang-orang Sabah.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Jumlah hasil yang dikutip dari negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 1983 hingga 1985 adalah seperti berikut:

Tahun	Sabah (\$ Juta)	Sarawak (\$ Juta)
1983.. ..	1,101.38	1,326.31
1984.. ..	1,126.74	1,425.36
1985.. ..	1,046.08	1,392.41

Jumlah hasil dan perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 1986, setakat bulan September, tidak dapat diberi kerana akaunnya belum lagi muktamad. Perbelanjaan Pembangunan di kedua buah negeri tersebut bagi tahun 1983-1985 adalah seperti berikut:

Tahun	Sabah (\$ Juta)	Sarawak (\$ Juta)
1983.. ..	337.02	421.13
1984.. ..	337.56	253.79
1985.. ..	319.16	378.14

Di samping itu sebanyak purata \$933.1 juta setahun dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi Perbelanjaan Mengurus di Sabah dan sebanyak purata \$1,351.23 juta setahun dibelanjakan di Sarawak bagi tempoh yang sama.

Pengagihan peruntukan kewangan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri adalah semata-mata bergantung kepada konsep pembangunan seimbang di peringkat negara, negeri dan daerah serta berkaitan rapat dengan kemampuan kewangan negara. Di bawah konsep ini negeri-negeri yang kurang maju

dan mempunyai sumber-sumber kewangan yang terhad diberikan peruntukan yang lebih berbanding dengan negeri-negeri yang maju serta mempunyai sumber-sumber kewangan yang kukuh. Ianya tidak ada kaitan langsung dengan soal-soal politik sesebuah negeri seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rumusan atau formula yang digunakan untuk mempertimbangkan faktor-faktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, secara menyeluruh saya sudah beri tadi, iaitu bergantung kepada kedudukan, kemampuan dan sebagainya, dari segi kewangan dan juga dari segi kemajuan negeri itu. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendakkan yang lebih detail lagi, saya rasa eloklah tulis surat kepada saya.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah dua buah negeri yang amat mundur dari segi pembangunan sosio-ekonomi, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk mempertingkatkan peruntukan untuk tujuan pembangunan tanah yang amat mendesak di kedua-dua negeri ini seperti peruntukan bagi melaksanakan projek FELDA di negeri Sarawak dan Sabah.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini pun kalau dilihat dari segi jawapan saya tadi, perbelanjaan pembangunan adalah lebih banyak daripada cukai yang dikutip di negeri Sabah dan Sarawak. Ini adalah disebabkan, seperti saya katakan tadi, keadaan negeri-negeri berkenaan dan kalau sekiranya keadaan ekonomi bertambah baik, bukan sahaja kepada

Sarawak dan Sabah, negeri Pahang, Perlis, Kedah dan negeri-negeri lain pun kita akan tambahkan peruntukan pembangunan itu.

#### ASEAN—DASAR PERLINDUNGAN

**3. Dr Suleiman bin Mohamed** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini bagaimanakah reaksi negara-negara lain dalam dunia ini mengenai dasar perlindungan ASEAN mengenai barang-barang yang dibuat oleh negara-negara ASEAN dan berapa buah negara perindustrian telah menyatakan sokongan mereka. Apakah reaksi negara-negara maju terhadap dasar ASEAN ini semasa beliau menghadiri mesyuarat GATT (General Agreement on Tariff and Trade) di Uruguay pada bulan September yang lalu.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, di mesyuarat GATT peringkat Menteri baru-baru ini yang diadakan di Uruguay, tiada sebuah negara pun yang membuat kenyataan khusus mengenai Dasar Perlindungan mana-mana negara ASEAN.

**Tuan S. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, walaupun kita telah mengambil beberapa tindakan untuk mengadakan industri berat, kita tidak boleh menjayakan di dalam usaha-usaha ini tanpa satu ASEAN Common Market, jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Yang Berhormat untuk mengadakan satu ASEAN Common Market secepat mungkin.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada cara kita bertindak. Tidak semestinya wujud common market, maka segala-gala yang dilakukan oleh kita di bidang perusahaan akan

mendapat kejayaan. Dalam soal heavy industry, dengan izin, yang diwujudkan di negara kita ini, kita mengharapkan supaya akan diadakan kerjasama di antara industri-industri yang sama yang ada di negara-negara Ahli ASEAN dan sekiranya dapat diwujudkan kerjasama yang rapat dan dapat pula bertukar-tukar pengalaman dan pendapat serta kepakaran di bidang-bidang tertentu, maka sudah tentu apa juga industri-industri berat yang dilahirkan di sini akan mendapat kejayaan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan negara-negara ASEAN telah memperbagaikan pengeluaran negara-negara tersebut contohnya negara kita Malaysia telah mengeluarkan motorak ataupun kereta nasional, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi hujah ataupun sebab-sebab mengapa ASEAN belum menimbangkan satu polisi atau dasar yang menyeluruh supaya melindungi industri-industri negara kita.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Sememangnya perbincangan telah pun berjalan, bukan sahaja di peringkat Ketua-ketua Kerajaan, tetapi juga di peringkat Menteri-menteri Luar dan Menteri-menteri Ekonomi ASEAN yang sering berjumpa dan bertemu mencari kata sepakat mengenai bidang perindustrian dan perdagangan. Kita memang memberi perlindungan kepada industri-industri kita di dalam bidang-bidang tertentu, tetapi kata sepakat ini belum wujud lagi kerana barangkali tahap kemajuan bidang-bidang perindustrian di negara-negara ahli tidaklah sama.

#### PERKHIDMATAN ORANG ASING

4. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada orang asing yang berkhidmat dengan Kerajaan;

(ii) jika ia, berapa ramaiakah jumlah orang asing yang sedang berkhidmat dan sebab-sebab mengapa mereka diambil bekerja;

(iii) berapakah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan bagi mengambil mereka bekerja pada setiap tahun;

(iv) sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk menamatkan perkhidmatan mereka secara menyeluruh jika kita mempunyai cukup daya tenaga tempatan yang berkebolehan untuk menggantikan mereka.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

(i) ya, ada.

(ii) jumlah pekerja-pekerja asing pada masa ini ialah 459 orang. Pekerja-pekerja asing ini diambil berkhidmat oleh Kerajaan kerana pada masa ini Malaysia masih lagi kurang tenaga yang berkebolehan tinggi dan pakar dalam beberapa bidang yang tertentu seperti doktor, doktor pergigian, pensyarah dan beberapa jawatan-jawatan lain.

(iii) Pebelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan untuk mengambil mereka ini bekerja pada setiap tahun ialah sebanyak lebih kurang \$14,565,300, iaitu meliputi kiraan Gaji, Elaun Khidmat Awam, Elaun Keraian, Elaun Pakar, Sewa Rumah.

(iv) Kerajaan akan mengkaji keperluan perkhidmatan orang-orang asing dari masa ke semasa. Apabila didapati perlu dan mampu satu-satu jawatan itu diisi oleh warganegara Malaysia, langkah yang sewajarnya akan diambil oleh

Kerajaan untuk berbuat demikian. Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk mengisi jawatan Kerajaan dengan warganegara kita sendiri sekiranya ada calon-calon yang layak.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan apakah strategi-strategi yang sedang diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang dan akan datang dalam mengisi ataupun supaya anak negeri ini dapat mengambilalih kerja-kerja atau tugas-tugas dan jawatan yang sedang disandang oleh mereka daripada luar negeri?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan walau apa strategi yang diambil oleh Kerajaan untuk mengisi jawatan-jawatan di dalam Kerajaan dengan warganegaranya sendiri, sudah tentulah daripada satu masa ke satu masa sebahagian kecil daripada jawatan-jawatan tersebut itu akan diisi oleh warganegara asing. Ini adalah kerana untuk misalannya dari segi pensyarah-pensyarah di universiti-universiti ataupun beberapa jawatan-jawatan tertentu yang lain yang kita perlukan kepakaran asing untuk membantu kita dari segi penyiasatan, penyelidikan dan sebagainya, jawatan-jawatan ini akan terus kita menggunakan pegawai-pegawai asing untuk mendapat satu pandangan yang lain daripada warganegara kita sendiri.

Pada keseluruhannya, jawatan-jawatan yang boleh diisi oleh Kerajaan seperti kedokteran, doktor pergigian dan sebagainya, sudah tentulah latihan-latihan, peluang-peluang pelajaran di universiti-universiti akan dibuka untuk menambah graduan-graduan yang lulus di dalam bidang-bidang tersebut itu.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada 459 orang yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, daripada negeri-negeri manakah mereka itu datang?

Yang kedua, agaknya berapa tahunkah lagi mereka ini kita perlukan untuk berkhidmat dalam negara kita?

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka ini datang daripada berbagai negara, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat kerana saya memerlukan notis. Tetapi bagi tempoh keperluan mereka ini, ini terpulang kepada keperluan negara kita sendiri.

#### RUMAH KOS RENDAH— PENYELARASAN

**5. Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa dalam rancangan untuk membina 800,000 unit rumah kos rendah di seluruh negara penyelarasan dengan Kerajaan Negeri tidak dibuat dengan sempurna. Adakah Kerajaan bercadang untuk membina rumah-rumah kos rendah secara pasang siap sebuah-sebuah seperti di Peramu Pahang dan perkampungan nelayan Tanjung Dawai Kedah bagi pembentukan sebuah masyarakat rumah murah yang sempurna.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa kejayaan program khas perumahan kos rendah yang dilaksanakan di seluruh negara memerlukan kerjasama dan penyelarasan yang berkesan antara semua pihak yang terlibat, terutamanya di pihak Kerajaan Negeri dan sektor swasta.

Bagi memastikan kejayaan program ini, Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah yang sesuai. Di antara langkah-langkah yang diambil, termasuklah mewujudkan satu sistem penyelarasan yang berkesan dalam perancangan dan pelaksanaan projek-projek yang dikenalpasti. Untuk memenuhi tujuan ini, beberapa Jawatankuasa utama telah ditubuhkan di peringkat Persekutuan dan di peringkat Negeri. Di peringkat Persekutuan, sebuah Jawatankuasa Bersama Peringkat Pegawai Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ditubuhkan di Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa ini dianggotai oleh semua pihak yang terlibat dalam pembangunan perumahan, termasuk wakil-wakil daripada sektor swasta. Setakat ini beberapa mesyuarat telah diadakan di peringkat Persekutuan di Kementerian dan juga di peringkat Negeri bagi membincang isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan program ini serta langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjayakan program khas ini.

Beberapa garis panduan mengenai program khas ini telah disediakan dan diedarkan kepada semua Kerajaan Negeri, agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dan pihak swasta yang terlibat secara langsung untuk menyelaraskan, mempermudah dan mempercepatkan pelaksanaan projek ini di bawah program khas ini.

Berhubung dengan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah secara sistem pasang siap, Kerajaan akan terus menggunakan sistem ini, asalkan ianya didapati sesuai dari segi aspek teknikal dan kos. Kerajaan akan terus mengkaji sistem ini dari semasa ke semasa bagi mengatasi segala kesulitan yang mungkin timbul supaya program perumahan yang dirancang dapat menepati matlamat yang telah ditetapkan.

Kerajaan juga sedar bahawa sistem ini boleh mempercepatkan pembinaan rumah, tetapi ianya hendaklah benar-benar menjimatkan kos. Walau bagaimanapun, dalam keadaan ekonomi negara sekarang, penggunaan buruh secara intensif adalah lebih berfaedah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana rancangan khas ini untuk membina 80,000 rumah pangsa diumumkan pada November tahun lalu oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, dan untuk dimulakan tahun ini dan 1987/1988 dan sampai sekarang ini tidak ada apa-apa hasil. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jaminan bahawa apabila tahun 1986 habis, sekurang-kurangnya 1% daripada target 80,000 rumah ini ialah sekurang-kurangnya 800 buah rumah boleh siap, jangan sampai 1% pun tak boleh siap. Dan bukankah ini sebenarnya menunjukkan program ini bukan satu rancangan khas, tetapi rancangan kegagalan khas (*Tepuk*).

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Ahli Yang Berhormat, sukalah saya menerangkan bahawa tidaklah betul bahawa rancangan ini belum memperolehi apa-apa hasil. Sebenarnya rancangan ini adalah satu rancangan yang begitu besar yang telah dirancang oleh Kerajaan untuk mengatasi kemerosotan ekonomi atau kelembapan ekonomi dan untuk memperolehi perkembangan ekonomi sebanyak 2% bagi setiap tahun jikalau rancangan ini dapat dilaksanakan dengan berjaya dan Kerajaan sedang berusaha sebenar-benarnya untuk melaksanakan skim ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah

mengeluarkan seperti saya terangkan, beberapa garispuandu dalam hal ini:

Garispuandu mengenai dasar dan strategi tentang program ini;

Garispuandu tentang sistem Pasukan Petugas yang perlu ditubuhkan di tiap-tiap Kerajaan Negeri;

Garispuandu tentang piawai-piawai (standard-standard) perancangan bagi rumah-rumah kos rendah;

Garispuandu mengenai pengeluaran lesen pemaju dan permit bagi rancangan ini;

Garispuandu mengenai pembiayaan kewangan telah pun disediakan oleh bank-bank; dan

Garispuandu untuk penyertaan dalam program khas ini. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya, pencapaian 1% sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Soalannya, bolehkah mencapai 1%?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu mengambil masa untuk menjelaskan oleh kerana Ahli Yang Berhormat kata tidak ada hasil (*Tepuk*) dan ini adalah satu projek cuma sebagai bukan program khas, tetapi program kegagalan. Maka saya mengambil masa untuk menjelaskan semua dasar-dasar dan garispuandu yang telah dibuat telah mengambil masa lebih daripada 3 bulan. Selain dari itu, kita juga telah melancarkan beberapa skim perumahan.

Kalau Ahli Yang Berhormat mahu tahu 1% perumahan itu boleh dapat disiapkan sebelum tahun 1986, ini tidak boleh, tetapi lebih daripada 1% rumah akan ada dalam proses

pembinaan dalam tahun 1986. Maka oleh kerana pembinaan rumah ini akan mengambil. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan proses, siap!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Beri masa untuk menjawab; tunggulah Yang Berhormat.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat, kalau mahu faham, sabarlah untuk memahami apa yang saya cerita (*Tepuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' S. Subramaniam:** Selebih daripada 1% akan berada dalam pelaksanaan. Sebenarnya 8,000 unit rumah akan berada dalam proses pelaksanaan sebelum tahun 1986. Sebelum penghabisan 1986. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, duduk!

**Tuan Lim Kit Siang:** 1% pun begitu susah, bukan. . . . (*Disampuk*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat! Yang Berhormat jangan buat begitu. Yang Berhormat tidak sedarkah Peraturan-peraturan Mesyuarat?

**Tuan Lim Kit Siang:** Betul. Mahu tahu jawab soalan. Mahu siap. Soalan senang, jawapan pun senang.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Duduk, Yang Berhormat. Biar dia menjawab dahulu. Sabar sedikit.

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan kalau Ahli Yang Berhormat tidak mahu

faham bahawa pembinaan rumah itu tidak dapat dibuat dalam 10 bulan, 12 bulan; ini akan mengambil sebanyak 18 bulan sekurang-kurangnya. Kalau Ahli Yang Berhormat faham itu, Ahli Yang Berhormat akan tahu bahawa pembinaan 1% penghabisan tidak dapat dibuat oleh mana-mana pihak. Maka oleh kerana itu saya mengambil masa untuk menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa lebih daripada 1% iaitu sebanyak 8,000 unit, iaitu 10% daripada matlamat kita akan ada dalam proses pembinaan dan ini akan dijangka siap lebih kurang 80% daripada semua pembinaan pada pertengahan tahun 1987 dan dianggap habis pada bulan Oktober, 1987.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Ahli Yang Berhormat sedar bahawa sebahagian rumah yang dibina oleh pihak Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Selangor adalah tidak dapat dijual dan baru-baru ini sahaja sebahagian rumah yang disiapkan oleh Kerajaan Negeri—PKNS telah diturunkan kadar harganya. Memandangkan masalah dan kesulitan sedemikian, apakah strategi yang telah dilaksanakan untuk mengatasi masalah seperti ini?

**Dato' S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini tidak ada berkaitan dengan soalan asal (*Tepuk*).

#### KELAS PUPIL'S OWN LANGUAGE

**6. Tuan P. Patta** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa kelas-kelas Pupil's Own Language (POL) tidak diadakan dalam masa waktu sekolah biasa;
- (b) sebab-sebab mengapa kelas-kelas POL tidak diwajibkan bagi murid-murid keturunan

Cina dan India dalam sekolah-sekolah yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penghantar utama dan sama ada ia akan diwajibkan mulai 1987; jika tidak, mengapa;

- (c) sama ada kelas-kelas POL akan diadakan sehingga peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), jika tidak mengapa; dan
- (d) sama ada gred yang diperolehi dalam bahasa Cina dan Tamil dalam peringkat STPM akan diambilkira untuk kelayakan kemasukan ke universiti-universiti tempatan, khususnya apabila bahasa Arab diambilkira untuk kelayakan kemasukan ke universiti-universiti tempatan, jika tidak, mengapa.

**Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada masa ini kelas-kelas bahasa Cina dan Tamil sudah pun dapat diadakan dalam jadual waktu biasa di kebanyakan sekolah-sekolah. 82.6% bagi bahasa Cina dan 50% bagi bahasa Tamil. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah sekolah yang belum dapat memasukkan mata pelajaran tersebut dalam jadual waktu biasa.
- (b) Bahasa Cina dan Tamil bukanlah mata pelajaran wajib tetapi merupakan mata pelajaran elektif. Pengajaran mata pelajaran tersebut hanya boleh diadakan sekiranya terdapat permohonan daripada tidak kurang dari 15 orang ibu bapa murid-murid dan tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang ada dan mencukupi di sekolah-sekolah.

- (c) Kelas-kelas bahasa Cina dan Tamil tidak diadakan sehingga ke peringkat STPM kerana mengikut peruntukan Akta Pelajaran 1961 pengajaran di peringkat sekolah menengah termasuk mata pelajaran tersebut ialah untuk lima tahun, dari Tingkatan I hingga V.
- (d) Gred yang diperolehi dalam bahasa Cina dan Tamil dalam peperiksaan STPM telah lama diambil kira untuk kelayakan memasuki ke universiti-tempatan.

**Tuan P. Pato:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu mengapa 50% daripada sekolah-sekolah di mana kelas-kelas POL yang boleh diadakan tidak dapat dimasukkan mata pelajaran ini dalam masa waktu sekolah biasa dan sama ada Kerajaan boleh menukar term elective kepada wajib supaya memenuhi hasrat sebilangan besar rakyat Malaysia untuk mempelajari bahasa ibunda dalam sekolah-sekolah yang tidak menggunakan bahasa Tionghua dan Tamil sebagai bahasa pengantar.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dijelaskan, sebelum kelas-kelas ini diwujudkan, harus ada permohonan tidak kurang dari 15 dari ibu bapa murid-murid tersebut. Sekiranya ada, maka Kementerian Pelajaran akan mengambil tanggungjawab untuk menyempurnakan permintaan tersebut.

Soalan yang kedua mengenai menjadikan mata pelajaran ini sebagai satu mata pelajaran yang wajib, saya fikir tidak perlu kerana anak-anak dari kaum India dan Cina memang berhak untuk meminta supaya kelas-kelas ini diadakan. Jadi, tidak perlu diwajibkan

untuk pelajar-pelajar ini mengambil mata pelajaran tersebut.

### PENDATANG HARAM DI PULAU BIDONG

7. **Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimana proses pengambilan Pulau Bidong di Terengganu boleh dijadikan tempat penempatan sementara pendatang haram kerana tanah-tanah di Pulau itu dikatakan dimiliki oleh pemilik-pemilik perseorangan yang berdaftar dan adakah ianya diambil balik melalui proses undang-undang dan jikalau ianya diambil balik berapa banyak perbelanjaan proses pengambilan balik dan tarikh dijangka Pulau tersebut dapat dibersihkan daripada menjadi tempat persinggahan sementara bagi pendatang-pendatang haram tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada tanah yang dijadikan tapak kem pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong adalah yang dimiliki oleh orang-orang perseorangan. Kerajaan telah membayar sewa kepada tuan tanah yang terlibat sejak 1-8-1978 melalui Kerajaan Negeri Terengganu. Pada masa ini Kerajaan tidak dapat meramalkan bilakah pulau itu dapat dikosongkan oleh pendatang-pendatang haram kerana pendaratan pendatang haram Vietnam ini masih berterusan. Walau bagaimanapun, jika kesemua saki-baki pendatang haram Vietnam dipindahkan ke negara-negara ketiga dan tiada lagi pendatang haram Vietnam masuk ke Malaysia, maka kem penempatan pendatang haram Vietnam di Pulau Bidong akan ditutup.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana

memandangkan perairan di sekitar Pulau Bidong ini ialah merupakan tempat nelayan-nelayan tempatan terutama sekali nelayan-nelayan tradisi mencari makan di sini dan oleh kerana memandangkan mereka ini selalu diganggu dan pernah diganggu oleh pendatang-pendatang haram Vietnam dan pernah mengancam keselamatan mereka, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah kawalan dan juga keselamatan yang diambil oleh Kementerian beliau untuk menjamin supaya nelayan-nelayan yang saya maksudkan tadi tidak diganggu-gugat oleh pendatang haram yang dimaksudkan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan bahawa nelayan-nelayan di Pantai Timur yang menangkap ikan berhampiran dengan Pulau Bidong ini kita telah mendapat kerjasama bukan sahaja daripada Polis Marine, tetapi juga TLDM kita dan juga sward kapal terbang polis kita untuk mengawal keadaan-keadaan yang di sekeliling tempat itu.

**Dr Abdul Hadi bin Derani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah disediakan oleh Kerajaan di Pulau Bidong sejak pulau itu diambil untuk dijadikan tempat perlindungan sementara kepada pendatang-pendatang haram atau pelarian-pelarian dari Vietnam?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi Kerajaan Malaysia, dalam hal Pulau Bidong ini hanya terlibat dalam urusan mengawal keselamatan pendatang haram di tempat-tempat mereka mendarat dan juga di kem-kem di Sungai Besi dan juga Pulau Bidong. Segala perbelanjaan mengenai makanan, pentadbiran, perubatan, pengangkutan dan pemindahan pendatang

haram Vietnam di Malaysia adalah ditanggungjawabkan oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi ada menyatakan bahawa tanah-tanah yang dimiliki oleh orang perseorangan itu telah disewa melalui Kerajaan Negeri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyatakan bahawa tidak tahu dan tidak dapat menentukan bilakah pulau tersebut dapat dikosongkan daripada dijadikan tempat perlindungan sementara. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bentuk sewaan yang diadakan di antara pihak Kerajaan dengan pemilik-pemilik perseorangan dan oleh kerana tempoh itu tidak diketahui, kalau mengikut undang-undang Uncertainty dari segi sewaan itu tentulah sewaan itu sebagai satu sewaan yang tidak sah dan apa kata kalaulah pemilik-pemilik perseorangan ini mengambil tindakan terhadap Kerajaan untuk mendapatkan balik tanah tersebut daripada Kerajaan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, bentuk sewaan yang telah diberikan kepada tuan-tuan tanah ialah \$500 satu ekar. Gantirugi atas pokok kelapa ialah \$50 seponoh; pokok mempelam \$30 seponoh; gantirugi kepada pondok-pondok yang rosak \$1,000 sebuah dan gantirugi kepada perigi-perigi yang rosak ialah \$1,000 sebuah. Jadi kalau kita lihat kepada sewa sahaja tanah-tanah tersebut ialah berjumlah \$21,269.92; gantirugi ke atas pokok-pokok yang ditebang \$13,420; gantirugi ke atas kegunaan tanah dari tahun 1982 hingga 1986 ialah \$21,296.92. Jumlah besar \$55,959.64.

Tentang perkara yang kedua itu, ini terpulanglah ke atas kebijaksanaan Kerajaan Negeri kerana tanah adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

## KENDERAAN PENGANGKUTAN HARAM

8. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (i) adakah beliau sedar bahawa pemandu-pemandu teksi yang berpangkalan di Pengkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth merasa tidak puas hati akibat kehilangan mata pencarian disebabkan oleh kegiatan kenderaan pengangkutan haram. Jika ia, apakah tindakan yang berkenaan yang akan diambil untuk meyakinkan bahawa mata pencarian mereka tidak terjejas; dan
- (ii) sama ada beliau akan mengeluarkan lesen kepada pemandu teksi haram untuk menyelaraskan mereka.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai kegiatan kenderaan pengangkutan haram yang berlaku di Pengkalan Sultan Abdul Halim, Butterworth seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun, memandangkan ianya adalah melibatkan perkara yang berkaitan dengan penguatkuasaan, ataupun enforcement, dengan izin, dan kuasa ini bukan terletak di bawah Kementerian saya, maka pembanterasannya kegiatan kenderaan-kenderaan awam haram itu memerlukan kerjasama dari agensi-agensinya yang diberi kuasa menjalankan penguatkuasaan iaitu pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis. Oleh itu, Kementerian saya telah pun meminta kerjasama kedua-dua Jabatan tersebut untuk menjalankan penyiasatan dan mengemukakan laporan bagi membolehkan Kementerian saya mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas

pemilik-pemilik lesen kenderaan awam yang terbukti telah melanggar syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan oleh Kementerian saya.

Tiga langkah berikut boleh diambil bagi membantu pemandu-pemandu teksi berkenaan:

- (i) membekukan pengeluaran permit teksi bagi pengkalan tersebut;
- (ii) kerjasama Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Polis untuk mempertingkatkan lagi penguatkuasaan terhadap kegiatan kenderaan awam yang berlaku di pengkalan tersebut; dan
- (iii) menggantung atau membatalkan terus mana-mana lesen kenderaan awam yang terbukti telah dijalankan tanpa mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam lesen berkenaan.

Untuk menjawab soalan (ii), Kementerian saya tidak bercadang untuk mengeluarkan lesen kepada pemandu teksi haram bagi tujuan semata-mata untuk menyelaraskan kegiatan mereka. Kriteria utama bagi pengeluaran lesen teksi adalah berdasarkan kepada keperluan sebenar perkhidmatan teksi bagi setiap pengkalan atau kawasan di mana teksi itu hendak dijalankan. Adalah tidak wajar untuk mengeluarkan lesen tambahan bagi sesuatu pengkalan atau kawasan yang sudah terbukti mempunyai bilangan teksi yang cukup. Pengeluaran lesen teksi yang berlebihan daripada keperluan sebenarnya akan menimbulkan keadaan pertandingan yang tidak sihat di antara pengusaha-pengusaha teksi itu sendiri di samping masalah-masalah lain yang berkaitan seperti kesukaran mendapatkan penumpang, pemajakan lesen dan sebagainya.

## PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM

**9. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengenai proses pelaksanaan penswastan Jabatan Telekom;
- (b) apakah kesan/keuntungan jangka panjang kepada Kerajaan; dan
- (c) kenapakah pihak pekerja Telekom tidak bersetuju mereka diswastakan kepada Syarikat Telekom.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan pertama, proses pelaksanaan penswastan Jabatan Telekom walaupun telah ditangguhkan sekali, sedang berjalan dengan licin dan mengikut jadual yang telah ditetapkan semula. Penswastan akan dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1987.

Jawapan bagi soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua, dari segi jangka panjang, penswastan akan mengurangkan beban kewangan Kerajaan bukan sahaja bagi membayar gaji dan lain-lain faedah termasuk persaraan kepada lebih kurang 29,000 orang pekerja, tetapi juga dalam mengadakan modal yang diperlu bagi mengadakan perkhidmatan itu sendiri. Di samping itu Syarikat Telekom Malaysia dijangka akan dapat bergerak dan bertindak dengan cepat dan berkesan bagi memenuhi kehendak pelanggan-pelanggan dalam perkhidmatan telekomunikasi.

Jawapan bagi soalan ketiga, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa pekerja-pekerja Jabatan Telekom tidak bersetuju dengan penswastan kerana pada 30hb

September, 1986 mereka telah menyerahkan borang pilihan untuk memasuki perkhidmatan Syarikat tersebut iaitu STM.

## PENYELUDUPAN BARANG- BARANG DARI FILIPINA

**10. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kegiatan menyeludup barang-barang daripada negara jiran ke pantai timur negeri Sabah masih berlaku sekarang di mana barang-barang tersebut dibawa dari negara jiran tanpa membayar cukai kepada Kerajaan Malaysia. Jika sedar, adakah Menteri bercadang untuk membuka semula perusahaan pertukaran barangan atau "Barter Trade" di pantai timur negeri Sabah khasnya di daerah Semporna dengan negara jiran (Filipina) kerana daerah tersebut sangat berdekatan dengan Pulau Tawai-tawai. Dengan adanya perusahaan pertukaran barang ini akan memberi peluang kepada rakyat kedua pihak meningkatkan taraf hidup dan penyelewengan cukai dapat dicegah.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan memang sedar terdapatnya penyeludupan barang-barang dari Filipina ke Sabah dan seperti Yang Berhormat sedia maklum, kalau diseludup sudah tentu cukai tidak dibayar kerana kalau dibayar cukai bukan lagi penyeludupan namanya, tetapi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sentiasa mengambil langkah-langkah untuk membanteras kegiatan tersebut. Secara amnya masalah penyeludupan ini adalah terkawal dan tidak dianggap rumit.

Berkaitan dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat supaya perniagaan tukar barang dibenarkan di daerah Semporna sebagai satu cara untuk mengurangkan masalah

penyeludupan tersebut, suka saya memaklumkan bahawa andaian ini tidaklah begitu tepat. Kerana seperti kita ketahui di bawah sistem perniagaan tukar barang ini, cukai atas barang-barang yang diimport ataupun dieksport masih perlu dibayar, sama seperti pengimportan dan pengeksporan barang-barang tersebut di bawah sistem perniagaan biasa. Apa jua tindakan yang diambil oleh Kerajaan, kegiatan penyeludupan akan masih dilakukan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengelakkan daripada membayar cukai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, pada masa ini kegiatan perniagaan tukar barang telah pun dibenarkan di tiga buah tempat, iaitu di Labuan, Sandakan dan Tawau, yang mana telah pun dianggap mencukupi. Kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan perniagaan ini dilakukan di lain-lain tempat termasuk Semporna buat masa ini.

#### ISU LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

**11. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan supaya soal kemasukan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan yang telah dipersetujui oleh Dewan Undangan Negeri Sabah dan Parlimen tidak dibangkit-bangkitkan lagi oleh mana-mana pihak terutama parti-parti politik.

*17-11-1986*

**Tuan R. Karpal Singh** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan reaksi Kerajaan terhadap usul dari Perhimpunan Belia Parti Bersatu Sabah yang diadakan pada bulan Ogos tahun ini, menuntut suatu referendum diadakan untuk

memastikan pilihan orang ramai terhadap status Labuan sebagai Wilayah Persekutuan.

*18-11-1986*

**5. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengembalikan Labuan kepada Kerajaan Negeri Sabah sebagai menyahut perasaan rakyat seperti ditunjuk dengan jelasnya dalam pilihanraya umum baru-baru ini untuk kerusi Parlimen Labuan di mana pemilih-pemilih di situ telah menolak calon BN.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana isu mengenai kedudukan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan seringkali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini serta ada di antara mereka yang mengemukakan soalan yang sama, saya mohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong pada 17hb November, 1986 dan Ahli Yang Berhormat dari Rasah pada 18hb November, 1986.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran)** Boleh.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar kerana mengemukakan soalan ini yang memberi peluang kepada Kerajaan memberi penjelasan secukupnya mengenai isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk menjadikan Pulau Labuan sebagai Wilayah Persekutuan telah pun disuarakan oleh Kerajaan Negeri Sabah sejak tahun 1983. Cadangan ini menjadi kenyataan apabila pada 16hb April, 1984 Labuan telah diisytiharkan

sebagai Wilayah Persekutuan. Dalam menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan, semua tatacara yang diperuntukkan di bawah undang-undang telah pun diikuti. Satu Rang Undang-undang Akta Enakmen Wilayah Persekutuan Labuan, 1984 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah untuk diperbahas dan ianya telah diluluskan. Akta Perlembagaan (Pindaan) No. 2/84 telah juga dikemukakan ke Dewan yang mulia ini untuk dibahas dan seterusnya diluluskan. Dalam pada itu juga Kerajaan Negeri Sabah telah mengadakan perundingan dengan persatuan-persatuan masyarakat, peniaga-peniaga dan lain-lain pihak mengenai cadangan untuk menjadikan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Ini membuktikan bahawa penyerahan Labuan telah dibuat mengikut tatacara demokrasi yang perlu diikuti.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini sedia maklum, perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan akan memberi beberapa faedah kepada rakyat di Malaysia amnya dan Labuan khususnya. Ianya akan mempercepat proses integrasi nasional dan juga memperkukuhkan keselamatan negara memandangkan kedudukan Pulau Labuan yang strategik.

Kerajaan Persekutuan akan menyelenggara dan mempercepatkan tempoh pembangunan di pulau itu di samping memperbaiki infrastruktur dan kemudahan-kemudahan lain. Kerajaan Persekutuan juga mampu membangunkan Labuan untuk membolehkan pulau itu memainkan peranan dalam bidang-bidang seperti perniagaan dan perdagangan, pelancongan dan pusat persidangan serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keterangan yang diberikan ini, jelas menunjukkan bahawa perisytiharan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan

telah diperbuat dari segi undang-undang mengikut lunas-lunas demokrasi demi integrasi nasional, demi keselamatan negara dan untuk kepentingan rakyat di Labuan. Justeru itu, dari sudut Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan atau Negeri Sabah, dan juga mereka yang berpegang teguh kepada undang-undang, prinsip demokrasi dan kesejahteraan rakyat dan negara pada keseluruhannya, perkara ini sudah selesai sama sekali dan tidak perlu ditimbulkan lagi. Hanya mereka yang berkepentingan politik, yang inginkan publisiti murah dan tidak ingin melihat rakyat dan negara ini sentiasa sejahtera akan menimbulkannya, khususnya ahli-ahli dari parti-parti Pembangkang. (*Tepuk*)

#### **PENDATANG HARAM VIETNAM/ PELARIAN FILIPINA**

**12. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kerajaan Persekutuan menggunakan sistem "double standards" semasa merundingkan dengan pelarian Vietnam dan pelarian Filipina di Sabah. Yang satu dihadkan (batas) di sebuah pulau manakala yang lain dibenarkan berkeliaran di Sabah dan nyatakan sama ada ini hanya kerana agama kaum tersebut dan mengapa sedemikian.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar dakwaan bahawa Kerajaan Persekutuan mengamalkan sistem, dengan izin, double standards, semasa mengendalikan pendatang haram Vietnam dan pelarian Filipina. Sebenarnya pendatang haram Vietnam dan pelarian Filipina diberikan kemudahan singgah sementara di negara ini di atas dasar perikemanusiaan selaras dengan hasrat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Pendatang-pendatang haram Vietnam berhasrat untuk berpindah ke negara-negara ketiga dan hanya ingin singgah sementara di Malaysia sebagai negara perlindungan pertama. Semasa di sini, pendatang haram Vietnam dipilih oleh wakil-wakil dari negara-negara ketiga dengan tujuan untuk dipindahkan ke negara-negara ketiga berkenaan.

Bagi mempercepatkan proses pemilihan ini dan memudahkan pemindahan mereka ke negara-negara ketiga, pendatang haram Vietnam ditempatkan di dua buah kem iaitu Kem Pulau Bidong, Terengganu dan kem Sungai Besi, Kuala Lumpur.

Segala urusan mengenai kebajikan, makan-minum, kewangan berkaitan dengan pendatang haram Vietnam serta pemindahan mereka ke negara-negara ketiga diselenggarakan oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu bagi orang-orang pelarian. Kerajaan Persekutuan hanya bertanggungjawab untuk mengawal keselamatan pendatang-pendatang haram Vietnam di tempat-tempat mereka terdapat seperti di Kem Sungai Besi dan Kem di Pulau Bidong.

Tuan Yang di-Pertua, pelarian-pelarian Filipina yang berada di Sabah terdiri daripada mereka yang beragama Islam dan juga yang bukan Islam tidak bertujuan untuk berpindah ke negara-negara lain. Sebaliknya, mereka memerlukan perlindungan sementara di Sabah dan ingin kembali ke negara asal mereka apabila mereka merasai keadaannya sesuai kelak. Jadi untuk mengumpul dan menempatkan mereka di satu tempat tanpa tujuan tertentu, adalah tidak wajar kerana ia akan menggunakan perbelanjaan Kerajaan yang besar. Adalah dijangkakan bahawa keadaan pelarian Filipina di Sabah akan dapat diselaras dan dikendalikan dengan lebih tersusun lagi apabila Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam mengambil alih tugas itu nanti.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Tuan Speaker, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah pelarian Vietnam yang ada di dalam negara kita setakat hari ini dan apakah langkah-langkah tertentu yang diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya kesemua pelarian Vietnam yang ada di negara ini dapat meninggalkan negara kita secepat mungkin yang boleh.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendatang haram Vietnam yang berada di negara ini ialah: di kem Sungai Besi jumlahnya 2,569 orang; di Terengganu ialah 6,390 orang; di Kelantan ada seorang. Jumlahnya 8,960 orang. Kita hanya menunggu negara-negara ketiga untuk mengambil mereka ini tetapi oleh kerana keadaan ekonomi yang meleset, keadaan pengambilan ini terbantut sementara. Bagaimanapun kalau kita lihat daripada angka-angka daripada tahun 1975 hingga 1986, kita telah berjaya menghantar mereka ke negara-negara ketiga sejumlah 205,665 orang.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi, adakah bermakna bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan menghalang kemasukan pelarian daripada Filipina ke negeri Sabah dan ia tidak mempunyai sebarang rancangan untuk menyekat kemasukan itu dan dengan itu akan muncul keancaman dari pelarian-pelarian Filipina dalam negeri Sabah terhadap keselamatan dan juga kestabilan negeri itu sendiri? Adakah Timbalan Menteri daripada jawabannya, bermakna bahawa Kerajaan Persekutuan akan berbuat demikian?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan Persekutuan telah bersetuju

supaya Pasukan Petugas Pendatang Haram Vietnam mengendali dan mengawal pelarian-pelarian Filipina di Sabah. Pada masa ini Pasukan Petugas yang ke Tujuh membuat cara-cara untuk mengambil alih tugas termasuk kajian mengenai kakitangan dan logistik. Apabila ini telah dilakukan, dapat kita mengawal keadaan yang merunsingkan fikiran Yang Berhormat dari Ipoh itu. Pada masa ini hal ehwal pelarian Filipina di Sabah diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri.

### UNIVERSITI BARU

**13. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau memandangkan universiti-universiti seberang laut mengenakan bayaran yuran yang lebih tinggi dan untuk menjimatkan wang negara, membenarkan (1) lebih banyak universiti atau cawangannya didirikan, jika ya, apakah rancangannya; (2) orang awam menubuhkan universiti swasta di dalam negara. Jika tidak, apakah alasannya.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran belum ada cadangan untuk membina universiti baru di negara ini. Walau bagaimanapun usaha-usaha sedang dijalankan untuk membesarkan kampus induk universiti-universiti yang sedia ada dan menambah bilangan kampus-kampus cawangan seperti di Likas, Sabah; Bintulu, Sarawak; Kuala Terengganu, Terengganu; Kubang Kerian dan Bachok di Kelantan; Sekudai, Johor dan Sri Iskandar, Perak.

Mengenai penubuhan universiti swasta pula, saya sudah pun jelaskan perkara ini dalam ucapan menggulung pada 15hb Oktober, 1986. Saya tidak bercadang menambah apa-apa lagi kepada jawapan tersebut.

**Tuan Lim Guan Eng:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri bahawa untuk membina sebuah universiti harganya hanya di antara \$250 juta ke \$500 juta dan juga memandangkan apa yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan bahawa nilai matawang asing yang keluar dari negara kita untuk pembayaran yuran-yuran universiti di luar negeri adalah sebanyak \$1,177 juta, mengapakah Kerajaan masih tidak mahu membina sebuah universiti baru dan rela membayar sebanyak \$125 juta untuk menambah tempat-tempat di universiti tempatan?

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, isunya bukan tambah universiti. Isunya tambah tempat untuk mahasiswa (*Tepuk*). Dan ini telah saya jelaskan dengan cawangan-cawangan yang bertambah dengan peningkatan yang besar untuk kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan. Saya harap Yang Berhormat dapat fahamlah.

### GRADUAN YANG MENGGANGGUR

**14. Tuan Hsing Yin Shean** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada skim yang diperkenalkan oleh Kerajaan boleh menempatkan semua graduan-graduan yang menganggur di seluruh Malaysia, jika tidak, mengapa. Berapa peratuskah penganggur tersebut yang boleh dimasukkan dalam skim ini.

**Dato' Abdul Ajib bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti apakah skim yang dilancarkan oleh Kerajaan yang boleh menempatkan semua graduan yang menganggur di seluruh Malaysia seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Apa yang dilancarkan baru-baru ini oleh Kerajaan ialah "Skim Khidmat Sementara." Di bawah skim ini Kerajaan menawarkan pekerjaan sementara selama enam bulan kepada 4,000 graduan yang menganggur. Kerajaan tidak dapat memanjangkan skim ini kepada semua graduan yang menganggur kerana peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan bagi skim ini adalah terhad kepada \$15 juta sahaja.

Saya tidak dapat menyatakan dengan tepat peratusan graduan yang dapat dimasukkan dalam skim ini jika dibandingkan dengan jumlah graduan yang menganggur kerana amatlah sukar bagi Kerajaan untuk mendapat angka yang tepat bagi jumlah graduan yang menganggur.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 17 adalah diberi di bawah ini).*

#### **ISTILAH BAHASA MALAYSIA DALAM AGAMA KRISTIAN**

**15. Tuan Mutang Tagal** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menarik balik arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri di mana semua Gereja Kristian dan semua penganut-penganut agama Kristian di seluruh negara tidak dibenarkan menggunakan istilah-istilah seperti Alkitab, Allah, Rasul, Wahyu, Nabi, Iman dan sebagainya di dalam Alkitab mereka terjemahan Bahasa Malaysia. Adakah arahan ini

melanggar Bahasa Malaysia. Adakah istilah-istilah tersebut masuk dalam istilah-istilah Bahasa Malaysia iaitu bahasa rasmi negara. Jika ya, kenapa pula rakyat Malaysia tidak dibenarkan untuk menggunakan bahasa rasminya. Jika tidak, adakah ini bermakna bahawa istilah-istilah tersebut adalah "Hakmilik eksklusif" (exclusive possessions) satu agama sahaja.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Berikutan dengan rayuan oleh pihak Gereja Kristian mengenai arahan Kementerian Dalam Negeri dalam perkara ini, maka arahan itu telah pun disemak semula. Satu arahan baharu telah dikeluarkan. Kecuali 4 istilah iaitu:

- (a) Allah.
- (b) Kaabah.
- (c) Baitullah.
- (d) Solat.

Pihak Kerajaan tidak ada halangan terhadap penggunaan istilah-istilah seperti Al-Kitab, Rasul, Wahyu, Nabi dan Iman. Kesemua istilah ini adalah Bahasa Arab.

Beberapa dari istilah itu ada gantinya dalam Bahasa Malaysia. Misalnya bagi solat kita juga mengguna perkataan sembahyang dan bagi Allah kita boleh guna perkataan Tuhan.

Tujuan melarang penggunaan beberapa istilah Arab yang tertentu itu adalah untuk memudahkan pembaca menentukan sama ada bahan yang dibaca itu berasal dari kitab-kitab agama Islam atau kitab-kitab Kristian.

#### **AKTA PELAJARAN 1961**

**16. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pelajaran menyatakan

adakah Akta Pelajaran 1961 bab (1) cerai (2) akan dibatalkan bagi menjamin kewujudan Sekolah-sekolah Rendah (Jenis Kebangsaan) mengikut kehendak ramai rakyat Malaysia.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bab (1) cerai (2) Akta Pelajaran, 1961 tidak ada kena mengena dengan menjamin kewujudan Sekolah-sekolah Rendah (Jenis Kebangsaan). Oleh itu tindakan untuk membatalkan bab tersebut tidak timbul.

#### **HAK KETUANAN MELAYU/ PERIBUMI SABAH/SARAWAK**

**17. Tuan Mohammed Yusof bin Abdul Latiff** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sikap setengah-setengah pihak yang kurang senang terhadap hak ketuanan Melayu dan peribumi Sabah dan Sarawak di negara ini. Tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk menyemak semula akta menghasut supaya pihak-pihak yang berkenaan dikenakan tindakan setimpal dengan perbuatannya. Pihak Kementerian juga hendaklah menegaskan bahawa hal-hal yang terkandung di dalam Perlembagaan tidak boleh diungkit-ungkit dengan tujuan untuk menimbulkan sikap tidak puas hati rakyat.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Negara ini mengamalkan dasar demokrasi berparlimen di mana rakyat bebas mengeluarkan pendapat tetapi tidaklah sehingga mempunyai kecenderungan untuk menghasut.

Mengenai Akta Hasutan 1948 (Semakan 1970), setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menyemaknya semula memandangkan ia masih sesuai digunakan.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

**DAN**

**USUL**

### **ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." (3hb November, 1986).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dijemput Yang Berhormat dari Sibuan menyambung ucapannya. Sila ringkaskan.

*3.33 ptg.*

**Tuan Tieu Sung Seng (Sibu):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini di

Sarikei tidak ada satu kelas Tingkatan VI walaupun Sarikei ialah ibukota Bahagian Keenam Sarawak. Saya bercadang Kerajaan mestilah memberi perhatian untuk memperbaiki sistem perbekalan buku-buku teks yang saya sebutkan di atas di negeri Sarawak serta menambahkan lagi kelas-kelas Tingkatan VI di Sarawak.

Saya berasa sangat sukacita bahawa Kerajaan sedang menggalakkan aktiviti-aktiviti luar kurikulum seperti sukan. Aktiviti-aktiviti sukan itu tentu akan menjamin kesihatan serta mewujudkan disiplin di kalangan murid-murid sekolah supaya mereka dapat mencapai kecemerlangan dalam arena sukan. Walaupun demikian, terdapatnya masalah di kawasan-kawasan luar bandar dari segi kekurangan kemudahan, di mana tidak ada gelanggang di kebanyakan sekolah untuk badminton atau bola keranjang dan lain-lain lagi. Dengan tiada kemudahan seumpama itu kita tidak boleh mengharapkan murid-murid sekolah untuk melibatkan diri di dalam kegiatan sukan. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah menyediakan kemudahan-kemudahan itu di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sarawak terdapat banyak sekolah yang lama dan memerlukan pembaikan. Saya berharap lebih banyak lagi peruntukan akan disalurkan untuk memperelokkan lagi bangunan-bangunan lama sekolah tersebut.

Berkenaan dengan pengswastaan Jabatan Telekom, Kerajaan hendaklah menentukan bahawa firma yang akan mengambilalih perkhidmatan telekom akan menentukan perkhidmatan yang baik dan cekap. Walaupun urusan pengswastaan itu akan berlaku, saya berharap Kerajaan akan juga mempunyai hak untuk mengawal sebilangan pengendalian firma tersebut supaya kawasan-kawasan luar

bandar tidak akan ketinggalan dari segi kemudahan telefon. Kerajaan hendaklah menentukan bahawa semua rakyat sama ada di bandar atau di luar bandar akan dapat menikmati kemudahan itu. Kawasan luar bandar mungkin pertimbangan boleh diberikan untuk memasang kemudahan-kemudahan telefon yang menggunakan tenaga suria dan ini boleh dianggap sebagai satu langkah untuk membawa kemudahan perhubungan ke kawasan-kawasan yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Serian telah membuat satu kenyataan dalam ucapannya pada 30hb Oktober, 1986 bahawa beliau dan penyokong-penyokongnya memang menyokong Barisan Nasional. Kenyataan ini mestilah dibetulkan dengan segera kerana ianya adalah tidak benar dan tidak jujur. Yang sebenarnya Yang Berhormat dari Serian. . . .

**Tuan Lainus anak Andrew Luwak:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Ada beri jalan atau tidak?

**Tuan Tieu Sung Seng:** Tidak ada masa lagi. Tidak payahlah, sit down.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan. Jangan kata begitu Yang Berhormat. Itu keputusan saya.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Kenyataan itu mestilah dibetulkan dengan segera, kerana ianya adalah tidak benar dan tidak jujur. Sebenarnya Yang Berhormat dari Serian telah bertanding sebagai seorang calon Bebas menentang seorang calon Barisan Nasional dalam pilihanraya yang baru lepas itu. Dalam ucapannya beliau pun telah "hantam" Barisan Nasional kiri dan kanan dan

mempersoalkan pimpinan dan kemampuan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud, seorang pemimpin yang disanjung tinggi oleh seluruh rakyat Sarawak. Sudahlah nyata bahawa "mulut bau madu, pantat bawa sengat". (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua**, saya mohon menyokong Belanjawan tahun 1987. . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun.

**Tuan Lau Dak Kee:** Tuan Yang di-Pertua, perkataan itu adakah parliamentary atau unparliamentary. Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat satu ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Adakah point of order?

**Tuan Lau Dak Kee:** Something like that.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh kata something like that. Adakah point of order? Peraturan Mesyuarat berapa?

**Tuan Lau Dak Kee:** Peraturan Mesyuarat 36 (10).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 36 (4).

**Tuan Lau Dak Kee:** 36 (4), maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya rasa perkataan itu tidak sesuaiilah untuk Dewan yang mulia ini.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini adalah satu peribahasa Melayu yang elok. Saya fikir Yang Berhormat. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk! Walaupun ada banyak peribahasa dan lain-lain, kita tidak boleh menggunakan semua di dalam Dewan ini. Peribahasa itu tadi; saya rasa tidak parliamentary. Jangan gunakan itu.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan ucapan, Yang Berhormat.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Ya, terima kasih. Keputusan telah dibuat oleh Tuan Speaker dan saya tidak cabarlah (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat tidak boleh cabar itu.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Saya tahu (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan.

**Tuan Tieu Sung Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan Tahun 1987 dengan pemerhatian-pemerhatian yang saya sebutkan di atas.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Sungai Petani.

3.42 ptg.

**Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran):** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat cuba habiskan dalam tempoh 20 minit?

**Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Pendek sangat itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Cubalah.

**Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan yang tinggi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah berjaya memecahkan beberapa kebuntuan hingga dapat membentangkan Belanjawan yang membela rakyat. Orang-orang yang tidak suka kepada Kerajaan Barisan Nasional merasa cemburu di atas kejayaan itu. Mereka merasa cemburu kerana tekaan mereka yang menyangka bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan menghadapi krisis di dalam membentangkan Belanjawan Tahun 1987 ini telah meleset. Pihak Pembangkang dengan sombong dan takbur telah memperkecil-kecilkan peranan Kerajaan yang berusaha memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang 28 hari Dewan ini bersidang, pihak Pembangkang telah mempersembahkan babak-babak yang sama, episod-episod yang sama, tajuk yang sama, tema yang sama, berpusing di sekitar krisis keyakinan, kes BMF, UMBC dan penubuhan suruhanjaya. Dailog-dailog mengenai perkara ini diucap oleh pelakon-pelakon yang berlainan, tetapi nadanya serupa, seolah-olah drama krisis keyakinan itu ditulis oleh seorang dramatis di menara gading.

Sepertimana kita semua sedia maklum, Malaysia adalah salah satu negara yang membangun dan telah terjejas dengan keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu. Ekonomi antarabangsa yang semakin buruk, telah menjelaskan pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun seperti Malaysia. Ini berpunca dari kejatuhan harga minyak dan barangan utama yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita lihat bagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan menyelesaikan masalah ekonomi negara kita yang dijelmakan di dalam Belanjawan Tahun 1987 yang dibentangkan dalam Dewan ini pada 24hb Oktober, 1986. Kegelisahan-kegelisahan di dalam Dewan ini, begitu juga kegelisahan di luar Dewan, adalah dipusatkan kepada perkara defisit. Jadi, pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan sebab-sebab defisit ini iaitu:

- (i) kejatuhan harga minyak dan barangan utama dunia;
- (ii) kemerosotan dalam pendapatan eksport; dan
- (iii) sikap negara-negara industri yang mengadakan sekatan terhadap barangan buatan kita.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menjelaskan tentang strategi dan penyelesaiannya iaitu:

- (i) meningkatkan pertumbuhan eksport dan mengurangkan kegiatan import;
- (ii) mengurangkan peranan sektor awam di samping memperkukuhkan kewangan negara; dan
- (iii) membuka peluang kepada sektor awam berkembang.

Seterusnya tindakan mengurus defisit akaun semasa dengan cara:

- (i) kadar faedah dinaikkan dari 4% kepada 6%;
- (ii) kemudahan pinjaman rumah diperketatkan;
- (iii) menaikkan bayaran perubatan kepada golongan yang mampu, tetapi meneruskan perkhidmatan percuma kepada orang-orang miskin dan yang tidak berada;

- (iv) mengubah skim biasiswa dengan menetapkannya 20% biasiswa dan 80% pinjaman;
- (v) kakitangan awam yang baru tidak lagi diletakkan di bawah skim pencen yang membebankan.

Langkah-langkah untuk mengurangkan sektor awam, seperti berikut:

- (i) penswastaan;
- (ii) menghapus agensi-agensi yang bertindih di dalam dan di luar negeri;

Inilah usaha-usaha yang dilakukan atau dirancangkan oleh Kementerian Kewangan bagi Belanjawan Tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam mana-mana negara yang benar-benar mengamalkan dasar demokrasi, sepatutnya parti-parti yang tidak berjaya memberi sokongan kepada parti-parti yang memerintah melalui teguran dan pandangan yang membina. Parti yang tidak boleh menguasai Parlimen dan mempunyai ciri-ciri pelampau itulah dipanggil Pembangkang. Ianya bertidak hanya semata-mata untuk membangkang walaupun perkara itu baik. Umpamanya di suatu masa dahulu, Pembangkang telah mendesak supaya Kerajaan mendirikan Jambatan Pulau Pinang sebagai gantian kepada penghapusan taraf pelabuhan bebas yang dinikmati oleh penduduk-penduduk pulau itu. Tetapi sekarang apabila Jambatan itu telah dibuat oleh Kerajaan, maka mereka pun membangkang dengan alasan projek mewah dan sebagainya. Tetapi rakyat tahu bahawa Pembangkang juga mahu kepada kemewahan. Sebab itulah mereka telah berpindah ke Pulau Pinang untuk menikmati kemudahan-kemudahan yang mereka sendiri membangkang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana masyarakat dan mana-mana negara pun kita perlu kepada teguran dan nasihat yang membina. Dalam konteks ini, sepatutnya parti-parti yang tidak berjaya melalui calon-calon yang menang mewakili parti Pembangkang memainkan peranan dengan memberi teguran yang membina kepada Kerajaan melalui Dewan yang mulia ini. Tetapi malangnya parti Pembangkang di negara ini hanya mahu mencari publisiti dan kadang-kadang kelihatan seperti menjadi peguam kepada orang luar atau orang asing yang memusuhi negara ini. Adakah mereka mahu menjadi alat untuk menghancurkan negara kita yang dikasihi ini? Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Lau Dak Kee:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada yang bangun. Yang Berhormat hendak apa?

**Tuan Lau Dak Kee:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat telah sebutkan parti Pembangkang nampaknya hendak menolong negeri-negeri asing untuk membantahkan polisi-polisi negara ini. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan satu dua contoh yang dapat disyaki.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** . . . . di dalam ucapan-ucapan di Dewan ini telah membuktikan apa yang saya sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun terakhir ini seolah-olah seperti ada percubaan memperkecilkan usaha pemimpin negara kita ini, menjadikan Malaysia negara yang bermaruah dan dihormati orang, usaha pemimpin negara kita untuk menjadikan Malaysia sebagai negara bermaruah telah berjaya.

Pada masa lalu negara-negara besar dan maju tidak pernah mengambilkira Malaysia, mungkin mereka sangka Malaysia tidak ada dalam peta dunia. Pada masa yang lalu pemimpin-pemimpin negara besar yang membuat lawatan ke Asia atau Tenggara Asia tidak pernah melawat Malaysia, malah jikalau ada satu krisis dunia mereka tidak pernah mengajak Malaysia untuk berunding. Pada masa itu mereka hanya nampak negara-negara tertentu sahaja yang berpengaruh di rantau ini, tetapi sekarang ini telah berubah, pemimpin kita sekarang telah berjaya meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara yang bermaruah. Kita lihat bahawa Malaysia telah dibawa berunding apabila ada sesuatu krisis dunia, malah telah diberi peranan penting di dalam pertubuhan-pertubuhan dunia.

Dahulu Malaysia berniaga melalui orang tengah, melalui negara Ketiga, tetapi sekarang berjaya menembusi pasaran dunia dan berniaga secara terus dengan dunia luar. Orang yang kehilangan keistimewaan seumpama ini tentu cemburu kepada Malaysia, tentu mereka berusaha sedaya-upaya menggagalkan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sehari dua ini riuh-rendah suratkhbar luar negeri yang dikuasai oleh Yahudi memburuk-buruk nama Malaysia dengan cerita bahawa Malaysia telah muflis. Kononnya tidak lama lagi akan berlaku kacau-bilau kerana tidak cukup makan dan lain-lain lagi. Barangkali cerita dan hikayat-hikayatnya diilham dari cerita dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam Dewan ini, tetapi diubah mengikut selera mereka untuk meracuni fikiran orang asing terhadap Malaysia. Siapakah yang meracuni berita seumpama ini keluar negeri, tentu ada kunci-kuncunya yang ingin melihat Malaysia hancur dan musnah. Pada masa itu mereka akan lari keluar negeri mencari kekayaan di tempat

baru, dengan perencanaan baru di tempat yang baru itu. Anak negeri tempat asal itulah yang tidak akan ke mana-mana, mati dan hidup mereka di bumi Allah itulah.

Peristiwa malang di Vietnam boleh dibuat sebagai bahan kajian sejarah dan masyarakat. Orang-orang asal Vietnam berperang mempertahankan negara mereka dengan darah dan nyawa mereka, berkorban segala-galanya, tetapi tentu ada lintah darat yang menghisap darah petani Vietnam dan apabila kenyang turun berihat di dasar bumi.

Kita lihat perlarian Vietnam yang berteduh di Malaysia adalah terdiri dari golongan ini kerana orang Vietnam yang tulen dan sejati tidak akan keluar dari bumi itu. Begitulah kalau ditakdirkan minta Allah lindungi terjadi peristiwa yang sama di Malaysia, orang asal Malaysia yang akan mempertahankan hingga ke titisan darah yang terakhir.

Peristiwa 13hb Mei, 1969 telah menjadi bukti yang nyata mengenai perkara ini. Rakyat Malaysia yang tidak menumpukan taat setia yang sepenuhnya telah lari keluar Malaysia pada masa itu. Kita patut berwaspada dengan petualang-petualang yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil UMNO dari kawasan pilihanraya Sungei Petani, saya ingin merakamkan di sini pandangan mereka melalui tinjauan saya pada hari Ahad dan pada hari Sabtu yang lalu, di kawasan bandar dan kawasan luar bandar Sungei Petani.

Pada umumnya semua rakyat di kawasan Sungei Petani, termasuk ahli-ahli DAP dan PAS memuji dan menyokong Belanjawan tahun ini. Saya lihat dan dengar sendiri mereka memuji dan menyanjung sikap Kerajaan mengenai Belanjawan tahun ini, sikap Kerajaan yang berani mengambil keputusan yang tidak

digemari ramai, keputusan memotong elaun Menteri, elaun Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan dan lain-lainnya. Walau bagaimanapun, orang-orang dalam bandar, khususnya pegawai-pegawai Kerajaan tercuik dengan kenaikan faedah 4% kepada 6% atas pinjaman mereka. Mereka merasakan kenaikan faedah ini membebankan mereka kerana kenaikan faedah itu dikenakan kepada peminjam-peminjam yang telah membuat pinjaman dan akan datang.

Saya dengan ikhlasnya merakamkan simpati saya kepada pegawai-pegawai Kumpulan "A" dari time-scale ke bawah kerana mereka inilah yang akan menanggung kesulitan membayar balik pinjaman berkenaan. Kesulitan ini timbul kerana sebelum membuat pinjaman pegawai-pegawai berkenaan telah pun membuat perhitungan belanja rumah mereka dari A sampai ke Z iaitu perbelanjaan-perbelanjaan yang perlu dilakukan tiap-tiap bulan, kemudian dilihat berapa bakinya, baki itu pula cukup dan boleh membayar ansuran bulanan pinjaman yang dicadangkan itu, maka pada masa itu barulah mereka membuat permohonan pinjaman. Alhamdulillah, Kerajaan yang sentiasa mahu menolong rakyat telah pun meluluskan pinjaman yang dipohon dan sekarang mereka sedang membayar ansuran bulanan dengan perkiraan yang tersebut di atas itu yang bererti mereka tidak ada lagi wang berlebihan. Soalan mereka ialah dari manakah mereka hendak mendapat wang bagi membayar kenaikan kadar faedah dari 4% kepada 6%. Jumlah kenaikan itu adalah membebankan kepada mereka yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong dinaikkan faedah dari 4% kepada 6% itu hanya kepada Pegawai-pegawai Kanan Kumpulan A sahaja kerana pegawai-pegawai ini mempunyai kemampuan yang cukup.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini ada orang mempersoalkan atas perbelanjaan aktiviti-aktiviti agama. Mereka bertanya apakah keuntungan yang diperolehi daripadanya? Kalau soalan seumpama ini dikemukakan, maka soalan yang sama juga boleh disoalkan iaitu perbelanjaan untuk kesihatan, pelajaran, pertahanan, keselamatan dan lain-lain kerana perbelanjaan mengenai tujuan ini tidak memberi pulangan hasil secara langsung, faedah itu hanya boleh dinikmati oleh orang-orang yang sembuh dari sakit, orang-orang berpelajaran dari orang yang jahil, orang yang terselamat dari orang yang tertindas. Perbelanjaan untuk agama pun demikian juga iaitu untuk menjamin pentadbiran agama dan penyelarassannya memberi kesan kepada pegangan akidah yang betul, membanteras penyelewengan, ajaran sesat dan pelampau agama. Kalau hal-hal ini dibiarkan bermaharajalela nescaya akan timbullah perang saudara di kalangan kita sendiri, maka kita semualah yang akan menanggung penderitaannya.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sejarah yang terdekat telah menunjukkan bahawa pelampau-lampau agama atau pelampau-pelampau politik telah mencetuskan perbalahan dan perang saudara. Dengan ini kita bersyukur kerana Akta Keselamatan Dalam Negeri dapat membendung kegiatan-kegiatan seumpama ini. Kita telah melihat pelampau-pelampau agama telah mencetuskan perasaan kurang senang di kalangan orang-orang kampung kita.

Mereka dengan sewenang-wenangnya menjatuhkan hukuman berat kepada orang-orang UMNO sebagai "KAFIR" dan "TOGHUT". Akibatnya orang Islam berpecah dua.

Perkara yang halal telah ditukar kepada haram seperti makanan sembelihan orang UMNO yang sebenarnya halal dikatakan haram. Selanjutnya mereka tidak boleh berkumpul dan sama-sama makan di dalam jamuan kenduri orang-orang UMNO. Akibatnya timbullah satu masjid dua imam atau satu kampung dua masjid atau jamuan kenduri satu di anjung dan satu lagi di beranda dalam rumah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa ada pelampau-pelampau agama dari parti Pembangkang di salah sebuah kampung di kawasan saya telah mengeluarkan pas sembahyang—sembahyang mayat—kepada orang-orang tertentu. Mengapakah sehingga kepada orang yang sudah mati pun diperhitungkan sehingga ke kuburnya? Mereka tidak sedar bahawa perhitungan yang sebenarnya dari Allah Subhanahu wa-Taala. Sijil menjadi ahli PAS bukan tiket percuma untuk masuk syurga.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan itu sebagai ciri-ciri dan titik tolak yang boleh menghancurkan negara ini. Jika dibiarkan kumpulan pelampau-pelampau itu memaki hamun, menabur fitnah, membakar hati rakyat supaya mencetuskan perang saudara yang pada akhirnya rakyat akan menanggung penderitaannya, maka apalah salahnya orang-orang yang menabur fitnah, pelampau-pelampau yang membakar api perang saudara dijemput berehat sekejap di Kemunting untuk menilai semula perhidup muslim di dalam negara yang berbilang kaum dan agama?

Tuan Yang di-Pertua, selain dari pelampau agama ada pula pelampau-pelampau politik yang tidak kenal pantang larang, adat resam sehingga

berani melangkah kepala bapa mentua. Adat berkata anak diambil, mentua disanjung, tetapi sekarang ini anak dara kita dikebas, kepala kita pula dipijak.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita mengembara dari Arau ke Johor Bahru, tidak ada toko-toko atau kedai-kedai besar yang dimiliki oleh orang-orang Melayu dalam bandar yang dilalui, walaupun satu masa dulu mereka mempunyai tanah dan tinggal di bandar itu. Sekarang ini mereka telah tersepit dan merempat di negaranya sendiri.

Petani miskin di luar bandar bercucuk tanam untuk sesuap pagi dan sesuap petang, menyuruh anaknya yang kerdil menghantarkan hasil tanamannya ke lebuhraya atau menyuruh menantunya menghambakan diri di mana-mana kilang. Mereka hanya mendapat sekadar untuk hidup sehingga ke petang, tetapi peniaga-peniaga besar mengaut kekayaan untuk rumah besar, kereta besar, menghantar anak belajar di luar negeri. Mereka hidup mewah hasil dari berladang di atas hasil petani kerdil di bumi bertuah tetapi mereka tidak pernah bersyukur malahan mereka mahu merampas lagi.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di luar bandar yang tinggal di kampung-kampung tradisional tidak pernah dikunjungi oleh wartawan atau penulis luar negeri kerana tempat mereka jauh terpencil di pendalaman, hanya boleh sampai dengan bersampan atau berbasikal. Perhidup mereka tidak mendapat tempat kerana penulis dan wartawan luar negeri itu hanya sempat berkunjung ke kampung baru di pinggir kota. Dalam konteks ini, saya sarankan kepada orang-orang yang cintakan kepada keadilan sejagat supaya membuat perbandingan yang adil dan saksama. Tuan Yang di-Pertua. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup! Bolehkah gulungkan? Sila gulungkan!

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad:** Sebagai memenuhi dan taat kepada kehendak Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan ucapan saya ini kepada saranan-saranan. Di akhirnya, saya menyokong usul Belanjawan Negara bagi tahun 1987 dengan cadangan-cadangan berikut:

- (1) Dewan yang mulia ini merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya membentangkan Belanjawan Penyelamat kepada negara dengan berani dan tegas;
- (2) Pelaksanaan projek luar bandar hendaklah dilaksanakan dengan cermat dan mengambilkira faedah maksima yang boleh dinikmati oleh penduduk tempatan. Projek-projek kecil hendaklah dilaksanakan secara gotong-royong untuk menyelamatkan perbelanjaan dan menggalakkan orang awam memberikan sumbangan tenaga mereka yang sedang menunggu-nunggu;
- (3) Hak istimewa Orang Melayu hendaklah dikekalkan dan dijelmakan di dalam mana-mana perancangan yang sempurna untuknya;
- (4) Mendidik rakyat supaya jangan menjadi pelampau melalui semua institusi pendidikan dan agensi awam dan swasta;
- (5) Meneruskan usaha Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira keturunan kaum dan agama;

- (6) Semua pembelian alat-alat mewah dihapuskan di samping itu pembelian keperluan jentera dan mesin-mesin besar terutamanya untuk Kementerian Kerjaraya dan Pertahanan hendaklah terlebih dulu dipastikan tentang alat ganti dan penyelenggaraannya tidak membebankan.
- (7) Diikhtiarkan supaya bekalan elektrik dapat dinikmati oleh rakyat yang tinggal dan bekerja di ladang-ladang;
- (8) Diusahakan seberapa yang boleh supaya kakitangan Kerajaan terutamanya guru-guru ditempatkan di tempat asalnya kerana dengan cara yang demikian dapatlah memberi faedah kepada masyarakat setempat;
- (9) Mempastikan kebersihan dan keindahan alam sekitar ada di mana-mana di negara kita ini. Ia boleh dilakukan dengan kerjasama Kerajaan Tempatan dan orang ramai;
- (10) Mendirikan jambatan hendaklah diberi keutamaan yang tinggi di dalam projek luar bandar kerana ianya merupakan perhubungan yang sangat penting;
- (11) Mempertingkatkan disiplin murid-murid, guru-guru, mahasiswa dan pensyarah supaya negara mendapat pulangan hasil yang berguna apabila negara mempunyai rakyat yang bermaruah dan berdisiplin;
- (12) Membanteras kehidupan tidak bermoral, menyekat ajaran sesat yang disebarkan melalui buku-buku dari luar dan dalam negeri yang mengambil kesempatan kebebasan berdakwah di negara kita;

- (13) Memperkemaskan Unit Agama di Pejabat Peguam Negara untuk mempertingkatkan penyelarasan mengenai hukum syarak di seluruh Malaysia;
- (14) Kementerian Penerangan patutlah berfungsi sepenuhnya supaya dapat mencapai matlamatnya untuk memberi didikan dan hiburan yang halal kepada orang ramai;
- (15) Menyediakan rancangan keperluan tenaga graduan, mudah-mudahan dapat mengurangkan masalah graduan yang menganggur.

Dengan ini, saya pohon menyokong ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batu Gajah, minta dihabiskan dalam masa 20 minit, dengan kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap.

4.08 ptg.

**Tuan Ting Chek Ming (Batu Gajah):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan tahun 1987 iaitu berhubung dengan Belanjawan 1987 ini saya ingin menegaskan bahawa negara kita bukan sahaja terdiri dari penduduk berbagai kaum, tetapi juga mempunyai pegangan hidup yang berlainan, tetapi kita semua adalah rakyat Malaysia. Di sinilah tempat kita dan anak-anak kita mencari makan dan berteduh. Izinkah saya mengulangi: Di sinilah tempat kita dan anak-anak kita mencari makan dan tempat kita semua berteduh.

Oleh itu tanamkanlah semangat cintakan negara dengan mengutamakan kepentingan negara

dari segala-galanya. Nampaknya gambaran oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah elok, tetapi soalnya adakah pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tanamkan semangat cintakan negara dengan mengutamakan kepentingan negara? Sekiranya ada, rakyat dalam negara kita tidak boleh mengalami kesulitan ekonomi seperti hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita boleh lihat ada banyak bangunan-bangunan tinggi yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Seolah-olah satu persaingan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pembinaan bangunan-bangunan seperti yang diadakan di Kuala Lumpur begitu tinggi dan cantik, kadangkala nampak oleh orang-orang asing atau pelancong dari negara lain, dikatakan inilah satu pencapaian yang besar di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, ini semata-mata untuk mengutip sewa sahaja dan bukan satu pembangunan yang boleh dapat pendapatan dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hubungkan kepada kenyataan-kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Professor Sadao Ichikawa pada 29hb dan 30hb Oktober, 1986 yang dilaporkan dalam suratkhbar *STAR* pada kedua-dua hari itu. Kenyataan-kenyataan ini tidak boleh diketepikan oleh Kerajaan sekiranya Kerajaan adalah bertanggungjawab kepada rakyat dan khasnya kepada penduduk-penduduk di Lembah Kinta. Saya dapat tahu bahawa kilang Asian Rare Earth Sdn Bhd tidak mematuhi cara-cara dan syarat-syarat untuk mengeluarkan Thorium Hydroxide dan menyimpan Thoria Wastes, dengan izin, Tuan Speaker. Maknanya syarikat kilang berkenaan tidak peduli akibat-akibatnya dan hanya hendak

dapat keuntungan dan juga kenyataan-kenyataan Professor Sadao Ichikawa itu ialah menyangkal peninjauan Dr E. E. Fowler.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah berhasrat mengkaji kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan pada 29hb dan 30hb Oktober, sebab kenyataan ini menunjukkan bahawa Asian Rare Earth Sdn Bhd tidak mematuhi syarat-syarat dan cara-cara yang dinyatakan dalam Surat Perjanjian yang bertarikh pada 30hb Disember, 1983 yang ditandatangani oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan Asian Rare Earth Sdn Bhd seperti berikut:

Pertama, untuk mengeluarkan Rare Earth Chloride, Rare Earth Carbonite dan Calcium Phosphate, dengan izin, Tuan Speaker, dan bahan-bahan buangan yang mengandungi Thorium Hydroxide sebagai hasil sampingan.

Kedua, menjalankan langkah-langkah keselamatan yang mencukupi untuk melindungi kesihatan dan nyawa-nyawa pekerja semasa bekerja di kilang syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, dari kenyataan Professor Sadao Ichikawa yang dilaporkan pada 30hb Oktober ini, beliau ada berkata dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya quote:

"Professor Ichikawa said that, during his investigation here, a lorry driver had taken him to a dump site about 7 kilometre from the Asian Rare Earth factory where he recorded a high level of radiation. He also warned that residents in and around Bukit Merah were in danger of contracting lung cancer because of the radioactive gases from the thoria waste, and that the symptoms from the exposure to radiation would take some years to show up".

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya difahamkan bahawa seorang pekerja perempuan dari syarikat kilang ini melahirkan anak yang buta. Anak ini berumur 3 tahun sekarang. Pekerja perempuan ini adalah orang yang miskin dan beliau tidak mampu berbelanja perubatan anaknya. Bolehkah Kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menyasiat kes ini?

Ketiga, mengikut nasihat pakar-pakar PUSPATI dan Laporan Tahunan Penyiasatan Kajibumi Malaysia, 1981, mengenai proposed retention site for storing, dengan izin, Tuan Speaker, chlorium hydroxide waste untuk Asian Rare Earth Company of Ipoh yang dinyatakan dalam muka surat 206-214.

Keempat, syarikat itu telah menyeleweng dari cadangan-cadangan melalui perenggan yang berhubung dengan "Waste Retention Site", dengan izin, Tuan Speaker, seperti yang diberi di muka surat 206 dan 207 di Laporan Tahunan 1981. Dari mukasurat 206 Laporan yang dikatakan oleh PUSPATI, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"Consequently in March, 1979, the Tun Ismail Atomic Centre (PUSPATI) decided that such waste should be stored in trenches in a waste retention site after sun drying for a week to reduce moisture. The site chosen for the waste storage should preferably have the following features:

- (a) soil of low permeability;
- (b) low erosion rate;
- (c) deep water table;
- (d) low pollution density;
- (e) low potentials for socio-economic development; and
- (f) readily accessible by road and not too far from the factory producing the waste."

Dan dalam muka surat 207, under the heading "The Waste Retention Site", dengan izin, Tuan Speaker:

"A storage site which satisfies all the conditions as stipulated by PUSPATI is difficult to locate since most sites which are close to the factory producing the waste have limestone bed-rock or are earmarked for future socio-economic development. Furthermore the Kinta Valley has, on the whole, tin mining potential. In view of this potential, the setting up of such a retention site should be discouraged. The geological survey limited by choice has selected a waste retention site on the north-westerly trending spur which forms parts of a low hill at the 16-mile stone of the Ipoh-Parit trunk road as shown in figure 39".

Tempat ini adalah di kawasan Parit.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sehingga hari ini syarikat kilang yang berkenaan tidak mematuhi laporan yang diadakan oleh PUSPATI. Oleh kerana itu ingin saya dapat tahu mengapa syarikat ini menyeleweng dari laporan tersebut dan surat perjanjian ini.

Kelima, gagal mendapat nasihat pakar-pakar yang bebas dari luar negeri untuk mengeluarkan Rare Earth Chloride, Rare Earth Carbonite dan Calcium Phosphate, dengan izin, dan bahan buangan yang mengandungi Chlorium Hydroxide sebagai hasil sampingan. Soalnya adakah Kerajaan Barisan Nasional dapat nasihat pakar-pakar dari PUSPATI atau dari luar negeri yang bebas sebelum perjanjian ditandatangani dan berapa kalikah kilang itu telah diperiksa dan diselidiki oleh pakar-pakar Kerajaan atau pakar-pakar dari luar negeri?

Nampaknya dari kenyataan-kenyataan oleh Professor Sadao

Ichikawa daripada negeri Jepun, syarikat kilang ini tidak peduli alam sekitar dan kesihatan-kesihatan penduduk-penduduk di Lembah Kinta melebihi 500,000 orang.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya hubung Dewan ini kepada Artikel 7 Suratjanji di mana Kerajaan menandatangani dengan syarikat berkenaan ini. Dengan izin, Tuan Speaker, Artikel 7 menyatakan:

"The Company shall indemnify the Federal Government and the State Government for any liability imposed by law upon them for damages as a result of any bodily injury or death, sustained by any person or persons or on account of damage to any property caused by the negligent acts of the company, its servants or agents during the construction of the repository or the transportation or storing of the waste or in the performance of the company's obligation under this Agreement."

Tuan Yang di-Pertua, yang terkandung dalam perjanjian tersebut adalah tidak mencukupi dan memuaskan. Oleh sebab itu, saya ingin dapat tahu sama ada Kerajaan telah mendapat jaminan peribadi daripada pengarah-pengarah syarikat berkenaan. Jaminan peribadi daripada pengarah-pengarah syarikat berkenaan ini adalah amat penting kerana syarikat itu adalah Sendirian Berhad.

Dengan izin, Tuan Speaker, Professor Sadao daripada Jepun juga telah berkata pada 30hb Oktober, 1986:

"Professor Ichikawa said, however, the symptoms from exposure to radiation would take some years to show up. He said women faced twice the risks as men because of their delicate and more complicated

regulation system. It could lead to miscarriages, stillbirths and genetic defects in babies."

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya dapat tahu sama ada Kerajaan Barisan Nasional menerima "findings" dan "report", dengan izin, dan mengarah kilang ini tutup kerana keselamatan kesihatan-kesihatan dan nyawa-nyawa penduduk-penduduk di Lembah Kinta adalah amat penting dan juga rakyat semua hendak alam sekitar yang bersih. Kerajaan tidak boleh menafikan kepentingan keselamatan kesihatan-kesihatan dan nyawa-nyawa penduduk-penduduk seramai lebih 500,000 orang dan alam sekitar yang bersih.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di Lembah Kinta tidak boleh tidur dengan selesa sebab kesihatan dan nyawa mereka sekarang dan generasi yang akan datang terancam oleh pengeluaran dari syarikat ini. Untuk kebajikan rakyat, kesihatan-kesihatan dan nyawa-nyawa penduduk-penduduk seramai lebih 500,000 di Lembah Kinta dan alam sekitar bersih, Kerajaan mesti mengarah syarikat ini membenarkan pakar-pakar yang bebas yang dilantik oleh penduduk-penduduk masuk syarikat kilang ini bagi "monitor", dengan izin, kilang ini tanpa apa-apa halangan.

Saya dan rakan-rakan saya serta semua rakyat percaya bahawa keadaan sekeliling yang bersih dan sihat adalah amat penting. Oleh sebab itu, kami akan memimpin penduduk-penduduk di Lembah Kinta dan rakyat Malaysia untuk mempertahankan hak-hak asasi mereka. Dalam masa penjajahan British, kita telah dieksploitasikan oleh mereka tanpa kira hal-hal rakyat dan negara. Pada masa ini kita mesti mempertimbangkan dan mengamalkan langkah-langkah untuk menjaga kesihatan alam sekitar yang bersih dan kebajikan rakyat adalah

lebih penting daripada kekayaan harta benda. Dengan itu, saya menyeru Kerajaan dan pihak penguatkuasa janganlah lagi membantu beberapa individu kapitalis yang ingin mengkayakan diri tanpa mempedulikan kebajikan dan kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, amaran Ketua Polis Negeri Perak kepada penduduk-penduduk Lembah Kinta adalah tidak perlu sama sekali kerana penduduk-penduduk cuma mempergunakan hak asasi demokratik mereka untuk mengadakan satu demonstrasi damai terhadap pihak Syarikat Rare Earth pada 5-10-86. Mereka bertindak demikian semata-mata mereka hendakkan kawasan kediaman di sekitar mereka adalah selamat dan sihat bagi mereka sendiri dan generasi akan datang. Perhimpunan mereka adalah tidak menyalahi undang-undang dan tidak patut dianggap haram oleh pihak berkuasa kalau dibandingkan dengan apa yang berlaku selama 12 hari di Sabah dalam bulan April, tahun 1986.

Saya percaya bahawa Dewan Rakyat tidak akan mentaksirkan Akta Polis tahun 1967 mengikut pandangan Ketua Polis Negeri Perak sepertimana yang dilaporkan dalam akhbar. Kalau taksiran Ketua Polis Negeri Perak diperkenankan oleh Dewan Rakyat, maka perkumpulan yang terdiri 3 orang di sesuatu tempat seperti di kedai kopi, pasar dan padang bola sepak juga akan membentuk satu kumpulan yang haram. Apakah pihak Polis akan juga menangkap mereka?

Tunjuk perasaan secara damai di depan Kilang Asian Rare Earth Sendirian Berhad pada 5-10-86 tidak membentuk satu ancaman kepada keselamatan negeri sama sekali. Ketua Polis Negeri Perak tidak perlu bimbang kerana tidak sesiapa akan mencederakan sesiapa atau

merosakkan harta benda sesiapa, cuma penduduk-penduduk Lembah Kinta ini berasa kecewa kerana pihak berkuasa tidak memihak mereka, sebaliknya menyebelahi pihak kapitalis untuk menjadi kaya, pada hal nyawa mereka dan generasi akan datang mereka adalah terancam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup, bolehkah digulungkan?

**Tuan Ting Chek Ming:** Lagi satu perkara mengenai. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Jika satu perkara lagi, tak sempat. Minta gulungkan.

**Tuan Ting Chek Ming:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya adalah lebih 20,000 keluarga-keluarga setinggan. Rumah-rumah setinggan adalah hasil dari kegagalan polisi perumahan Kerajaan Barisan Nasional. Ianya juga dihasilkan oleh perasaan tamak ahli-ahli politik Barisan Nasional di peringkat Negeri dan Persekutuan. Ahli-ahli politik Barisan Nasional hanya memikirkan kepentingan diri sendiri tanpa menghiraukan hakikat bahawa penduduk-penduduk kampung baru yang berpendapatan rendah itu tidak mempunyai rumah kediaman. Adalah tidak dapat disangkal bahawa pemerosesan dan kelulusan permohonan penukaran tanah pertanian kepada tanah perumahan adalah dikuasai oleh golongan UMNO-putra yang disokong oleh MCA, MIC dan Gerakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.28 ptg.

**Tuan Mohamed bin Jamrah (Bagan Datok):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta membahaskan Belanjawan 1987 yang dibentangkan

oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986.

Dalam Belanjawan yang dibentangkan itu, salah satu peruntukan yang begitu nyata besarnya ialah peruntukan bagi pembangunan luar bandar, iaitu kira-kira \$4.5 ribu juta daripada \$6.7 ribu juta. Adakah jumlah yang diperuntukkan ini mencerminkan permasalahan yang masih wujud dan berleluasa di luar bandar.

Masalah luar bandar selalunya dikaitkan dengan kemiskinan dan persoalannya ialah adakah peruntukan wang yang sebesar itu diperuntukkan bagi membasmi kemiskinan ataupun membekalkan infrastruktur yang masih berkurangan. Dan apakah pembekalan infrastruktur itu boleh dikaitkan dengan permasalahan pembasmian kemiskinan di negara kita.

“Kemiskinan” sebagai satu permasalahan ekonomi telah wujud semenjak sebelum merdeka lagi. Bagaimanapun sehingga kini masalah ini bertambah ketara lagi kerana wujudnya hasrat/kesedaran bahawa kumpulan yang mengalami kemiskinan wajib dibela sejajar dengan falsafah negara yang ingin membantu yang lemah. Pembelaan itu dikatakan wajib dilakukan agar ianya selari dengan matlamat pemerintah yang berhajat mewujudkan keadilan sosial.

Semenjak itu, bermacam-macam kumpulan sama ada dari akademia, birokrat dan kaum cerdik pandai yang telah menyarankan bermacam-macam jenis penyelesaian masalah ini terdiri daripada yang berbentuk institusi dan struktural, seperti eksploitasi oleh orang tengah dan perubahan tanah, “input oriented”, dengan izin, anjuran teori pergantungan seperti pembahagian subsidi dan pengwujudan prasarana serta “behavioral oriented”, dengan izin, di

dalam bentuk usaha pembangunan masyarakat ataupun "community development", dengan izin.

Sepanjang masa itu juga, Kerajaan telah melaksanakan bermacam-macam rancangan untuk mengatasi masalah ini dan Alhamdulillah, berkat usaha-usaha gigih itu, kemiskinan mutlak ataupun "absolute poverty", dengan izin, dikatakan hampir tidak wujud di dalam masyarakat kita.

Bagaimanapun kemiskinan yang relatif yang boleh ditakrifkan mengikut berbagai cara seperti dengan menggunakan kriteria: pengambilan makanan ataupun "nutritional intake", dengan izin, taraf hidup, kualiti hidup, paras pendapatan dan lain-lain lagi masih berleluasa. Bahkan jika dilihat dari segi angka mutlak, walaupun apa sahaja kriteria yang dipakai, kemiskinan kini makin bertambah.

Tidak kita nafikan iaitu usaha gigih Kerajaan untuk membasmi kemiskinan kini telah membuahkan hasil. Di luar bandar kesannya mula terasa. Walau bagaimanapun, ada bukti-bukti yang menunjukkan penghijrahan kemiskinan dari luar bandar ke bandar ataupun "inter-sectoral transfer of poverty". Jadi, di peringkat kebangsaan kesan pembasmian kemiskinan tidaklah seberapa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas sensitivitinya terhadap program pembasmian kemiskinan yang walaupun menerima potongan disebabkan kemelesetan sekarang, ianya tidaklah seketara sektor-sektor lain. Namun begitu, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, iaitu sepertimana yang dapat dilihat pada pelaksanaan program pembasmian kemiskinan yang ternyata dalam Dasar Ekonomi

Baru, bukanlah semua peruntukan tersebut mencapai sasarannya, kumpulan miskin, lebih-lebih lagi yang di luar bandar. Bahkan kita boleh mengatakan bahawa kumpulan pemodallah, lebih-lebih lagi yang di bandar, yang telah banyak menerima manfaat daripada peruntukan ini. Semoga tidaklah nanti timbul salah faham yang Kerajaan hanya memberi perhatian kepada kumpulan miskin dan yang di luar bandar sahaja, seperti yang didakwa oleh setengah-setengah kumpulan.

Selanjutnya, kebanyakan peluang-peluang pekerjaan atau aktiviti-aktiviti ekonomi yang diwujudkan melalui program yang disebut tadi tidak diarahkan sasarannya kepada kumpulan miskin di luar bandar. Kalaupun ditujukan kepada mereka, mereka mungkin tidak mempunyai persediaan-persediaan asas untuk menerima peluang-peluang itu.

Apa yang disebutkan sekejap tadi memang ketara sekali jika diambil kira tentang kekeliruan kumpulan-kumpulan sasaran ini kerana terlalu banyak agensi yang cuba mengubah nasib mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berlain orang mendekati masalah kemiskinan dengan cara yang berlain iaitu bergantung kepada teori dan andaian yang diterima oleh mereka sebagai sebab-musabab berlakunya kemiskinan. Seperti yang disarankan sebentar tadi ada yang menganggap kemiskinan berpunca daripada faktor-faktor institusi ataupun struktur. Kepada mereka perubahan struktur dianggap sebagai asas pembasmian kemiskinan. Lantaran itu terdapat usaha seperti mendirikan badan-badan pasaran, institusi-institusi yang memberi bantuan kewangan di dalam bentuk pinjaman dan sebagainya untuk membasmi kemiskinan.

Ada pula yang lain yang mengandaikan kemiskinan berpunca daripada sikap masyarakat berkenaan. Mereka pula memperakui bahawa pemupukan semangat berdikari untuk membasmi kemiskinan dengan cara mengelakkan pergantungan yang dikatakan punca kemiskinan. Tidak kurang juga kumpulan yang menerima kemiskinan sebagai berpunca daripada kekurangan asas-asas yang boleh menjayakan individu. Mereka ini mengandaikan bahawa pemberian kelengkapan dan subsidi misalnya, sudah cukup untuk mengatasi masalah kemiskinan. Malangnya usaha-usaha khusus seperti ini tidak dapat menghapuskan kemiskinan yang tetap berkekalan.

Berasaskan pengalaman-pengalaman ini, kita harus menerima hakikat bahawa masalah institusi ataupun struktur yang menyebabkan kemiskinan tidak kurang juga impaknya dengan masalah sikap dan masalah serba kekurangan yang mengekalkan fenomena kemiskinan; dan mungkin banyak lagi masalah-masalah lain yang menyebabkan kemiskinan. Pendeknya tidak ada satu sebab yang khusus yang boleh diterima sebagai punca kemiskinan. Jadi, jika tidak ada satu sebab yang khusus yang menyebabkan kemiskinan, maka mustahil satu penyelesaian yang khusus dapat menyelesaikan masalah kemiskinan yang sudah berleluasa di dalam masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks dan scenario, dengan izin, yang dinyatakan itu, saya ingin menyarankan supaya satu cara yang bersepadu di dalam ertikata yang sebenarnya dilaksanakan untuk menyelesaikan masalah ini. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memikirkan bahawa cadangan ini bukan merupakan satu cara yang baru kerana telah berkali-kali kita mendengar saranan daripada para

penggubal dasar bahawa pendekatan mereka ialah secara bersepadu "integrated" ataupun "multi-disciplinary", dengan izin. Cuma di peringkat pelaksanaan hala cara yang bersepadu yang dimaksudkan itu tidak ditumpukan dengan berkesan.

Begitu juga saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian kepada beberapa misalan yang boleh menunjukkan betapa tidak bersepadu atau tidak berselarasnya tindakan-tindakan rancangan yang telah dikendalikan.

Cuba kita lihat dari segi pendidikan yang seharusnya mempunyai matlamat-matlamat membasmi buta huruf, memberi kemahiran "rudimentary" dan menanamkan nilai-nilai yang sesuai untuk memupuk satu masyarakat dan membina insan yang bermoral tinggi dan bersatu-padu. Hasil yang kita dapati ialah satu masyarakat yang berpolarisasi di kalangan kaum-kaum utama yang mendiami negara ini.

Dari segi kemahiran pula, kita dapati hasil sistem persekolahan kita tidak selari dengan kehendak pasaran buruh yang masih terpaksa melatih atau menyesuaikan semula tenaga-tenaga buruh itu dengan kepentingan pasaran-pasaran buruh.

Begitu juga dalam usaha pembasmian buta huruf yang mana hasilnya sepatutnya menimbulkan masyarakat yang "functionally literate", dengan izin, tetapi betapa ramai sekali rakyat kita yang masih belum dapat memenuhi borang-borang yang disediakan oleh para birokrat.

Bagaimanakah gerangnya kita bertindak secara bersepadu kerana cubalah kita kenangkan bersama: bahawa sistem pendidikan kita ini hanya mampu menyediakan insan-insan untuk menduduki peperiksaan sahaja. Seolah-olah ini tidak

mencukupi; terdapat pula para pendidik kita yang mengendalikan kelas-kelas tuisyen untuk menyediakan anak-anak kita menghadapi peperiksaan ini. Dengan penekanan kepada peperiksaan, mustahil dapat kita melahirkan individu-individu yang "liberated", dengan izin, terlepas daripada belunggu pergantungan dan kemiskinan.

Apa yang dapat dilahirkan oleh sistem pendidikan kita nampaknya ialah manusia-manusia yang lulus peperiksaan. Oleh kerana terdapat kelas-kelas persediaan peperiksaan yang mahal yang mana si miskin tidak mampu mendapatkannya, maka dengan secara langsung kita jadikan pendidikan sebagai satu milik golongan "elitist" yang menuntut diberi tempat istimewa, walaupun sebelum ini kita menyedari bahawa pendidikan yang diterima itu jauh daripada berupaya memenuhi keperluan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahukan pendidikan dijadikan sebagai asas "mobility", dengan izin, di dalam masyarakat, seharusnya "access" kepada pendidikan di semua peringkat dibuka dengan seluas-luasnya. Dan lagi kurikulumnya haruslah sesuai dengan kepentingan masyarakat. Cadangan ini mungkin memerlukan satu belanjawan yang besar yang sudah tentu tidak popular di dalam konteks kemelesetan sekarang. Tetapi saya percaya bahawa di dalam keadaan seperti ini kita boleh bertindak dengan lebih kreatif lagi. Kita tidak perlu tetapkan had umur bagi sesuatu tahap pendidikan. Tidakkah boleh kita jadikan proses pendidikan sebagai satu proses sepanjang hayat dan kita boleh memasuki institusi pendidikan di tahap mana-mana sahaja serta bila-bila masa sahaja.

Kalau dapat diteliti dengan mendalam, cadangan ini adalah sesuai

sekali di dalam konteks ekonomi sekarang kerana dengan kemelesetan pengangguran akan meningkat. Tetapi kalaulah sebahagian daripada penganggur-penganggur ini dapat disalurkan ke sistem pendidikan, bukan sahaja ia dapat menambah peluang pekerjaan di bidang pelajaran, ia juga dapat mengurangkan tekanan di pasaran buruh sebelum ekonomi pulih semula.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap fasal kemelesetan, kita seharusnya bersyukur ke hadirat Allah s.w.t. kerana dengan berkat limpah kurniaNya ianya telah banyak memberi kesedaran kepada kita supaya jangan membazir dan memadamkan perbelanjaan dengan pendapatan kita.

Di dalam konteks yang sama, sekali lagi izinkan saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas keberanian dan kekuatan beliau mengeluarkan satu Belanjawan yang meminta kita semua mengikat perut. Walaupun ini agaknya terlambat sedikit kerana kita sudah agaknya terlanjur dengan beban-beban hutang antarabangsa dan sebagainya, sekurang-kurangnya kita berharap ini akan membawa kita ke arah yang lebih bermakna.

Mulai dari sekarang kita hendaklah membetulkan prioriti kita, bahkan bukan prioriti sahaja yang patut diberi tekanan malahan setiap projek pembangunan yang dilaksanakan mestilah merupakan projek yang "productive", dengan izin. Ini penting bukan sahaja untuk memastikan daya hidup projek itu sendiri, tetapi juga ia mestilah boleh memberikan pulangan, ataupun "yield", dengan izin, untuk kegunaan membayar balik hutang serta faedahnya.

Tuan Yang di-Pertua, prioriti serta kriteria seperti ini mestilah menjadi ukuran peraksanaan sesuatu projek

besar, memandangkan keadaan hutang negara yang sudah mencapai tahap yang membimbangkan. Sehubungan dengan ini, ada pakar ekonomi yang mengunjurkan bahawa keseluruhan hutang luar negara akan menghampiri ataupun boleh jadi melebihi kadar 100% KNK pada tahun 1990. Walaupun unjuran Bank Negara menunjukkan bahawa kadar itu hanya dalam lingkungan 80% sahaja.

Bukan sahaja hutang negara atas kadar KNK yang membimbangkan, tetapi yang menyulitkan ialah kadar pembayaran balik hutang negara sudah sampai ke siling 20%. Siling inilah yang dianggapkan sebagai, dengan izin, "stated policy" Kerajaan agar kadar bayaran balik hutang negara tidak melebihi 20% daripada eksport.

Seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, tiap-tiap \$1.00 yang kita perolehi, 33 sen adalah untuk membayar hutang. Dan kalau kita tidak berusaha mengurangkan hutang ini, beban ini akan melanda generasi yang akan datang. Beban yang terpaksa mereka tanggung walaupun mereka sendiri tidak ada kena-mengena dengan pengwujudannya. Menyedari hakikat inilah maka saya kira Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan satu Belanjawan yang realistik walaupun ianya ketat ataupun "tight", dengan izin.

Tumpuan telah dibuat untuk mengurangkan kos operasi dan belanja pembangunan, demi untuk mengelakkan pertambahan hutang yang lebih tinggi. Bagaimanapun, pemotongan kos operasi dan peruntukan pembangunan ini boleh membawa kesan yang negatif sekiranya ia diumpamakan sebagai "double-edged sword", dengan izin, iaitu pemotongan kos operasi akan mengakibatkan "productivity

backlash", dengan izin, sedangkan pengurangan belanja pembangunan akan mengurangkan kegiatan ekonomi yang seterusnya akan mengakibatkan pengurangan penggunaan sumber pengeluaran ataupun "factors of production", dengan izin. Kekurangan penggunaan sumber pengeluaran ini akan mengurangkan pertumbuhan ekonomi. Dengan demikian kita akan terperangkap dalam putaran vicious ataupun "vicious circle", dengan izin, yang menyulitkan pertumbuhan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itulah maka salah satu strategi ketara Belanjawan tahun ini ialah mengurangkan peranan sektor awam. Ini bermakna kita bergantung harap kepada sektor swasta sebagai "engine of growth", dengan izin. Tetapi soalnya, apakah sektor ini bersedia menyambut seruan Kerajaan itu? Daripada "response" yang kita saksikan selama ini, saya ragu di atas kesungguhan, kesediaan dan kemampuan sektor swasta untuk menerajui pembangunan ekonomi negara. Atas kedinginan inilah maka saya anggap Kerajaan mempelawa pelabur-pelabur asing melabur dalam sektor pertanian dan mengambil ekuiti di dalam sektor perkhidmatan seperti KTM, MAS dan sebagainya.

Walaupun dalam keadaan ekonomi meleset negara memerlukan wang masuk tetapi adalah dikhuatiri usaha itu akan ditakrifkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab sebagai satu usaha yang "desperate". Justeru itu menggugat kepercayaan pelabur-pelabur dari dalam ataupun luar negeri terhadap iklim ekonomi negara. Begitu juga usaha itu boleh dianggapkan bahawa Kerajaan telah berundur ke belakang dari segi dasar mengurangkan penaklukan ekonomi ataupun "economic neo-colonialism" yang selama ini mahu dihindarkan oleh Kerajaan.

Untuk mengelakkan pergantungan terhadap dagangan komoditi utama dan juga pelabur asing mendirikan industri besar, saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Padang Terap agar Kerajaan menggalakkan perkembangan industri kecil dan juga "cottage industry". Kerajaan hendaklah memberikan tumpuan yang khusus dengan meletakkan tugas industri kecil sebagai tugas utama dan bukan tugas tempelan sesebuah Kementerian seperti yang terjadi sekarang. Tujuannya ialah untuk membolehkan industri kecil menjadi tunjang kegiatan ekonomi negara pada jangka panjang supaya ia berkembang seiring dengan industri besar yang memerlukan penyertaan modal asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menayakan perkembangan industri kecil ini, Kerajaan mestilah memberikan galakan, nasihat, bimbingan, menyelia-mutu dan kemudahan kredit, pasaran dan pemasaran hasilnya sama ada di dalam ataupun di luar negeri.

Beralih ke sektor pelancongan pula, didapati bahawa pelancong-pelancong kita telah membelanjakan wang sebanyak \$1.5 ribu juta di luar negeri pada tahun ini. Ini adalah satu perkara yang aneh. Kerana dalam pada Kerajaan giat berusaha menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita untuk mendapat tukaran wang asing, wang yang ada pula mengalir keluar dengan begitu banyak sekali. Jadi persoalannya, berapa banyakkah wang mengalir masuk hasil daripada usaha Kerajaan menggalakkan pelancong ke negara kita? Ada yang menganggarkan bahawa jumlahnya adalah dalam lingkungan \$2,000 sehingga \$3,000 juta, sementara jumlah pelancong yang datang pula dianggarkan seramai 3 juta orang.

Mengikut Persatuan Perhotelan Malaysia, 80% daripada jumlah ini

adalah pengunjung-pengunjung daripada Singapura dan Thailand yang masuk ke sini sama ada untuk berkunjung ke rumah sanak-saudara ataupun mengisi tangki minyak. Jadinya, mereka ini tidak menginap di hotel, motel ataupun rumah-rumah rehat. Dengan demikian wang yang mereka belanjakan juga tidaklah besar, sekadar \$86 sehari bagi pelancong dari Singapura dan \$44 bagi pelancong dari Thailand jika dibandingkan dengan \$187 perbelanjaan sehari bagi pelancong-pelancong "bona-fide" yang datang dari Jepun, Australia, Eropah dan Amerika Syarikat. Ini bermakna sekiranya mereka berada 3 hari di sini, tukaran wang asing yang diperolehi merupakan hanya 15% daripada jumlah wang yang dibelanjakan oleh pelancong-pelancong kita di luar negeri. Justeru itu, langkah-langkah berkesan hendaklah dijalankan untuk menggalakkan pelancong-pelancong tempatan melancong di negara kita sendiri.

Sebaliknya kerana pelancong-pelancong "bona-fide" yang berjumlah 600,000 sahaja yang akan menginap di hotel, motel dan rumah-rumah sewa dengan jumlah bilik sebanyak 9,400 buah yang ada masakini, maka terjadilah keadaan kapasiti berlebihan ataupun "excess capacity", dengan izin, dalam industri perhotelan di negara kita pada hari ini. Justeru itu untuk mengelakkan keadaan "excess capacity", dengan izin, di masa-masa akan datang, Perbadanan Pelancongan hendaklah mengasingkan bilangan ataupun angka pelancong yang bona-fide, dengan pelancong yang turun naik daripada negara jiran dengan tujuan mengunjungi rumah saudara-mara di sini.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya keadaan ekonomi kita bolehlah dianggarkan sebagai "gloomy", dengan izin. Namun begitu

saya percaya kepimpinan Kementerian berkenaan akan dapat memberi kepimpinan ekonomi yang lebih mantap lagi dari apa yang kita alami sekarang. Pada pendapat saya, di dalam keadaan yang dihadapi sekarang, kita tidak lagi boleh berharap kepada "indicative planning", dengan izin, yang diamalkan sekarang untuk mendapat kerjasama daripada pihak-pihak swasta. Di pihak birokrasi pula, sikap menunggu sesuatu berlaku berbanding dengan melakukan sesuatu yang lebih kreatif tidak boleh dipertahankan lagi.

Sehubungan dengan ini, dapat kita gelarkan haluan ekonomi yang sedang kita lalui sekarang sebagai mengikuti "a strategic drift", dengan izin, iaitu kita hanya mengikut arus sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah hendak cukup, satu minit lagi.

**Tuan Mohamed bin Jamrah:** Ya, saya habiskan. Bagi saya, melepaskan diri kita daripada "strategic drift" ini merupakan satu cabaran yang paling besar yang akan menentukan kelangsungan hidup atau "survival" masyarakat kita. Ia merupakan satu cabaran kepada semua pihak.

Kepada pemerintah, ia merupakan satu cabaran untuk memberi kepimpinan. Kepada para perancang, ia merupakan cabaran dan peluang untuk menggembeling dan menunjukkan kepakaran dan kreativiti mereka sebagai menghargai belanja latihan yang dibiayai oleh masyarakat. Kepada orang ramai pula ia merupakan cabaran untuk menentukan ketahanan dan kesanggupan mereka bersama-sama membawa perubahan. Khususnya satu penglibatan yang "total" adalah dituntut.

Pada hemat saya, kita boleh mengubah haluan ekonomi kita dengan menganuti satu ideologi baru

iaitu "survival" kerana kita sedang menghadapi satu darurat yang belum pernah dialami oleh generasi sekarang. Ideologi atau "paradigm" baru ini hendaklah dijadikan sebagai gagasan kepada segala tindakan kita kerana di dalam suasana aman, kita tidak ada satu pengalaman atau "precedent" untuk dirujuk atau dijadikan pembelajaran bagi mengatasi masalah ini.

Akhirnya, penganutan ideologi "survival" ini memerlukan banyak pengorbanan. Bahkan kalau "survival" diterima sebagai satu isu strategik, "narrow political calculation", dengan izin, di kalangan pemerintah, pembangkang dan yang diperintah wajib diketepikan. Bagi saya, di dalam keadaan darurat seperti ini kita tidak ada jalan tengah, pilihannya ialah di antara lenyap atau langsung hidup.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Belanjawan 1987 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

4.50 ptg.

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut (Ulu Rajang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Tujuan utama Belanjawan 1987 adalah untuk memulihkan semula ekonomi dan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan negara. Seperti apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan beliau, iaitu bahawa kita pada waktu sekarang mengalami kejatuhan harga barang-barang utama kita iaitu harga minyak mentah jatuh daripada US\$28 setong pada tahun 1985 kepada

US\$16 setong pada tahun 1986 dan harga minyak kelapa sawit jatuh kepada \$470 setan metrik pada tahun 1986.

Oleh kerana ini negara kita menghadapi kemerosotan pendapatan eksport barangan utama dan dalam tahun 1986 negara kita dijangka mengalami kekurangan pendapatan eksport sebanyak \$5,900 juta. Oleh kerana objektif pertama negara kita sekarang ialah menubuhkan kekayaan atau, dengan izin, to create wealth, pemberian adalah menjadi tumpuan yang kedua. Jika tidak ada kekayaan sudah tentu tidak guna kita bercakap mengenai pemberian.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk mengenai harga barang-barang utama, adalah didapati bahawa negara kita tidak dapat mengambil tindakan yang solid atau concrete, dengan izin. Perkara ini adalah di luar kuasa kita. Oleh kerana ini, maka sudah sampailah masanya bahawa negara kita patut mengambil tindakan untuk mengatasi hal ini dari segi mengambil dasar-dasar yang lain atau, dengan izin, adopting other policies. Apa yang rakyat hendak sekarang ialah untuk ketua-ketua, pemimpin-pemimpin kita membuat polisi-polisi yang kena, bukan polisi-polisi yang hanya membawa popularity. Buat masa sekarang negara kita terlalu bergantung kepada ekonomi dunia. Saya percaya bahawa kejatuhan harga barang-barang utama kita adalah oleh kerana negara-negara pengguna atau, dengan izin, consuming countries sudah menjadi begitu efisien dan barangan utama yang mereka gunakan telah pun berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada strategi Belanjawan 1987 ialah memperbaiki pelaburan untuk memperkembangkan pelaburan swasta dan meningkatkan keyakinan pihak swasta. Jika Kerajaan berniat untuk menggalakkan pelaburan swasta

atau pihak swasta untuk menjadi, dengan izin, the engine of growth, bahawa sudah sampai masanya untuk Kerajaan melihat dengan teliti apakah engine itu. Adakah engine itu kekurangan minyak atau yang lain. Jika Kerajaan tidak mengenal pasti kelemahan tersebut, sudah tentu engine ini tidak akan membawa manfaat kepada negara kita.

Pemotongan kepada peruntukan kepada projek pembangunan patutlah dibuat dengan cara yang sensible iaitu dengan menghapuskan semua projek yang tidak produktif dan juga projek-projek yang tidak membawa keuntungan atau guna. Di samping itu kita patutlah menggalakkan projek-projek yang dapat memperkukuhkan kedudukan ekonomi kita dan di samping itu mengadakan pekerjaan-pekerjaan. Projek-projek ini patutlah projek yang produktif yang dapat membawa faedah dalam jangka masa yang pendek. Ini adalah supaya kita dapat, dengan izin, maximize projects with more immediate returns.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kadar faedah yang diberi oleh bank adalah di antara 12% hingga 15%. Jika kita pergi ke syarikat kewangan, mereka akan mengenakan kadar faedah sekurang-kurangnya 17% tetapi jika kita melihat keadaan ekonomi sekarang, di manakah projek-projek yang dapat memberi faedah atau, dengan izin, returns sebanyak 12% hingga 15%. Perkara ini patut dikaji jika Kerajaan kita berniat untuk menggalakkan penglibatan pihak swasta. Begitu juga dengan NIF atau New Investment Fund, dengan izin. Jika pihak swasta memerlukan kemudahan ini, pihak tertentu hendaklah memohon melalui pihak bank, dengan izin, commercial banks oleh kerana kebanyakan daripada bank-bank tersebut mengalami masalah-masalah tersendiri dan bank-bank ini enggan menerima permohonan tersebut. Ini

adalah oleh kerana risiko (risks) tertentu jika berlaku adalah dibiayai oleh bank-bank tersebut.

Mengenai New Investment Fund ini juga, saya ingin bertanya kepada Kerajaan, apakah langkah-langkah atau strategi-strategi yang ketat yang akan diambil oleh Kerajaan supaya peruntukan ini digunakan dengan cara yang betul iaitu bahawa projek-projek yang tertentu akan berjaya dan tidak hanya menjadi, dengan izin, white elephant projects.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan kepada pihak swasta mengenai efficiency dan productivity, dengan izin, patutlah diambil kira oleh Kerajaan. Kita patutlah mengurangkan corruption dan influenced padding, dengan izin. Kerajaan patutlah menekankan efficiency dan productivity ini. Maka dengan ini saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengaturkan framework dengan izin, pihak swasta dengan cara yang systematic. Jika kita hendak menggalakkan pihak swasta sebagai the engine of growth, dengan izin, Kerajaan patutlah bersedia memberi sumber-sumber tertentu seperti tapak tanah untuk pertanian dan membina rumah-rumah.

Tuan Yang di-Pertua, negara Korea telah pun mengamalkan growth rate, dengan izin, mereka ke tahap 8%. Tetapi sekarang telah pun dikaji semula kepada 12% kalau dibandingkan dengan negara kita yang hanya mengamalkan 1% growth rate. Kita patut bertanya mengapa? Apakah perbezaan di antara eksport negara itu dengan negara kita ataupun mempunyai sumber-sumber yang mereka ada? Jawapannya adalah bahawa ekonomi mereka itu adalah berasaskan kepada perkilangan atau, dengan izin, manufacture-based dan kita hanya commodity-based, dengan izin. Negara kita telah pun mengadakan pelaburan yang melebihi

atau over-investment dalam property dan under investment dan bidang perkilangan dalam food production atau pengeluaran makanan.

Oleh kerana perkilangan adalah satu sektor yang mana akan menentukan masa depan negara kita, Kerajaan patutlah memberi sektor ini perhatian yang serius. Kita patut bertanya mengapa negara Korea dapat menjadi negara manufacture-based, dengan izin. Ini saya percaya adalah oleh kerana mereka menggunakan masa yang banyak dan melabur begitu tinggi di bidang mengambil alih teknologi. Maka dengan ini saya bercadang supaya Kerajaan mengkaji group tax relief, dengan izin kepada corporate sector. Kita boleh lihat sekarang corporate sector sebelum cukai dapatlah memperolehi untung yang begitu besar, tetapi selepas cukai mereka ini mengalami kerugian. Jika negara kita hendak mengadakan, dengan izin, research for higher technology and venture into new areas, kita patutlah mengadakan group tax relief.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang perniagaan (commerce), saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menggalakkannya dengan lebih pesat lagi di bidang penjaja. Masa depan kilang di negara kita adalah terpulang kepada kegiatan industri kecil kita. Kemahiran seseorang dapatlah lahir dengan cara yang natural dan bukan secara paksa oleh pihak atasan. Dengan izin, we cannot create an artificial class of entrepreneurs through spoon-feeding. We have to go from the bottom up and we start small and develop from there.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak \$27,412 juta telah pun diperuntukkan dalam Belanjawan 1987. Dari ini \$20,739 juta iaitu 79% adalah bagi perbelanjaan mengurus dan \$6,673 juta atau 20% adalah bagi perbelanjaan pembangunan.

Keutamaan telah pun diberi kepada projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar di mana kadar kemiskinan masih lagi tinggi. Kadar kemiskinan luar bandar di negeri Sarawak, saya percaya tidak berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia. \$4,469 juta atau 23% daripada jumlah perbelanjaan Pembangunan tahun 1987 disediakan bagi meningkatkan taraf kehidupan ekonomi dan sosial penduduk luar bandar selaras dengan objektif Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, masalah negara kita bukanlah kita tidak ada wang. Negara kita ini kaya dengan sumber-sumber yang sedia ada. Masalah yang terbesar yang patut diberi perhatian dengan serius ialah menyalahgunakan peruntukan atau mismanagement of fund, dengan izin, di peringkat implimentasi. Kalau tidak salah saya dari 100% projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui perbadanan tertentu yang bertujuan hendak menolong orang miskin di luar bandar hanya 40% telah berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, apakah cadangan Kerajaan mengenai masalah seperti ini? Apakah langkah Kerajaan untuk memperketatkan lagi perjalanan implimentasi ini supaya sesuatu projek itu akari berjaya.

Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan membuat satu manifesto atau, dengan izin, manifesto for our economic survival. Ini adalah oleh kerana pada rakyat biasa economic growth adalah satu konsep yang abstract, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat biasa tidak begitu mengambil berat tentang kenaikan GNP, dengan izin, apa yang membimbangkan mereka ialah pekerjaan mereka, pendapatan mereka, pelajaran anak mereka dan makanan mereka. Untuk mengadakan satu manifesto ini akan membuat rakyat di seluruh negara akan sedar keadaan ekonomi negara kita yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Dayak telah pun dipersoalkan di dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai seorang Dayak, saya ingin menyebut pendapat saya.

Tidak dapat kita nafikan bahawa kebanyakan orang-orang Dayak di negeri Sarawak seperti kaum bumiputera yang lain di Malaysia adalah terdiri daripada orang yang miskin. Adalah tidak salah bagi seorang ahli Parlimen untuk memperjuangkan nasib kaum yang diwakili oleh mereka. Apa yang kita sebagai Ahli Parlimen patut buat ialah bukan hanya hendak menolong golongan yang miskin ini dengan hanya menggunakan mulut sahaja. Hanya memperkatakan bahawa satu kaum itu miskin, tidaklah mencukupi.

Dewan ini bukanlah Dewan di mana kita hendak membuat komplek sahaja. Kita patutlah menjadi lebih praktikal dengan memberi proposal-proposal yang sesuai yang dapat memberi manfaat kepada golongan yang kita hendak tolong. Tidaklah patut bagi kita hanya menjadi alat yang digunakan oleh kumpulan tertentu untuk kepentingan politik sahaja. Banyak orang hanya hendak menjadikan, dengan izin, the champion of the Dayaks dengan hanya menggunakan lip service sahaja, membuat head line di akhbar-akhbar tertentu dan tidak pernah pergi ke grass root untuk mengetahui apakah masalah yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia adalah satu negara yang unik, ianya mempunyai kaum yang banyak. Janganlah kita menggunakan kuasa kita di Dewan ini untuk menaikkan perasaan sesuatu kaum hanya untuk kepentingan politik sahaja. Sarawak telah merdeka melalui Malaysia baru sahaja 25 tahun. Kita pun selama ini telah pun tinggal di negara kita dengan aman dan damai. Jika negeri Sarawak dan

juga negeri-negeri yang lain di Malaysia tidak mempunyai kelengkapan ataupun pembangunan yang cukup, mintalah dengan cara yang halus. Negara kita ini lagi muda dan masa depannya adalah cerah. Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan mahupun di peringkat Negeri telah pun dengan sedaya upayanya hendak menyelesaikan masalah kemiskinan semua kaum di Malaysia ini.

Begitu juga dari segi kedudukan Kabinet. Semua kaum dimasukkan ke dalam Kabinet mahupun di Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri. Maka sudah tentu terpulanglah kepada wakil-wakil kaum Dayak di peringkat Kabinet tersebut untuk menyuarakan apa yang perlu untuk membangunkan kaum tersebut.

Pembangunan bukanlah satu soal yang mudah hendak diselesaikan. Berbagai masalah kita hadapi. Yang pertama kita mestilah persoalkan iaitu adakah satu kaum itu bersedia untuk dibangunkan. Ini adalah oleh kerana jika kita hendak maju, kita patutlah bersedia berkorban, janganlah hanya menyalahkan orang lain sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, nama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah pun dipersoalkan di Dewan ini bahawa Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak tidak ada niat untuk memperjuangkan nasib kaum bumiputera di negeri Sarawak. Saya amat terperanjat apabila saya mendengarnya. Sebagai seorang Wakil Rakyat di luar bandar, saya bernasib baik kerana Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah pun beberapa kali melawat ke kawasan tersebut untuk melihat dengan sendirinya akan masalah-masalah yang sedang dihadapi oleh kaum bumiputera luar bandar.

Sebagai Ahli Parlimen juga saya pernah memberi cadangan tertentu kepada Yang Amat Berhormat Ketua

Menteri Sarawak mengenai pembangunan di kawasan saya dan beliau menerima cadangan ini dengan tangan yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada golongan-golongan tertentu yang hendak mengotorkan nama Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak oleh kerana golongan tersebut tidak mendapat favour, dengan izin. Golongan tersebut pernah menyatakan bahawa kononnya Ketua Menteri Sarawak tersebut hanya memperjuangkan kaum Cina sahaja. Isu ini digunakan hanya untuk menghangatkan pemikiran orang bumiputera. Tetapi sampai sekarang sokongan yang diberi oleh semua kaum di negeri Sarawak adalah begitu kuat sekali sehingga Barisan Nasional negeri Sarawak di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak menang pilihanraya Parlimen baru-baru ini dengan begitu tinggi majoritinya.

Saya berharaplah kita sebagai Ahli Parlimen, berhentikan politicking, dengan izin, dan concentratelah dalam menghadapi masalah negara kita dan janganlah menggunakan perkauman untuk kepentingan politik. Marilah kita semua menjadi orang Malaysia. Dengan ini, saya menyokong Usul Belanjawan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Tebrau.

*5.07 ptg.*

**Puan Zainabon binti Abu Bakar (Tebrau):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1987.

Di sini saya yang mewakili rakyat Tebrau mengucapkan tahniah dan setinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang

telah membentangkan Belanjawan 1987 di Dewan yang mulia ini pada 24hb Oktober, 1986.

Dalam Kerajaan merancang untuk mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi tahun hadapan, satu arah mengurangkan pembabitan Kerajaan dalam ekonomi di samping memperkukuhkan kedudukan kewangan negara, beberapa cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana ada di antaranya akan menguntungkan dan ada juga yang akan merugikan sama ada pihak Kerajaan ataupun beberapa pihak yang lain.

Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang rendah dan kedudukan kewangan negara yang lemah, namun Belanjawan 1987 yang dibentangkan itu walau bagaimanapun tidak mengeneipkan tanggungjawab Kerajaan terhadap golongan rakyat yang berpendapatan rendah yang mana mereka ini masih memerlukan bantuan Kerajaan.

Dalam hal ini Kerajaan akan terus menyediakan pembiayaan yang cukup untuk projek-projek kemudahan asas, pelajaran, pertanian, kesihatan dan juga perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selama 16 tahun yang lalu, Kerajaan telah membelanjakan beribu-ribu juta ringgit untuk membawa beberapa perubahan asas dalam struktur ekonomi dan sosio ekonomi negara serta kemajuan-kemajuan tertentu dalam usaha menyusun semula masyarakat dan juga sebahagian sektor kemiskinan telah dapat diperbaiki. Rakyat seharusnya berterima kasih kepada Kerajaan dalam segala usahanya untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru agar usaha ini akan diteruskan supaya matlamat serampang dua mata iaitu membasmi

kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat akan tercapai tanpa terbuntu di separuh jalan.

Meskipun Dasar Ekonomi Baru berakhir pada tahun 1990 tetapi demi untuk memastikan keadilan sosio-ekonomi masyarakat majmuk serta perpaduan negara, Kerajaan seharusnya meneruskan dasar ini. Dalam soal ini saya juga ingin menyarankan kepada Kerajaan pusat dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menghadapi kemelesetan ekonomi dan kedudukan kewangan negara yang lemah supaya bertindak tegas melaksanakan rancangan-rancangan untuk memastikan terus berlakunya pembangunan dan pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini, beberapa minggu yang lalu, kita telah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia berkata usaha-usaha akan diteruskan oleh Kerajaan dalam melaksanakan dan meneruskan matlamat-matlamat untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Buat permulaan dalam hal ini bagi tahun 1987, Kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak \$6,673 juta untuk pembangunan di luar dan di dalam bandar di mana tumpuan utama perbelanjaan ini adalah ke atas projek-projek yang dapat meningkat dan mengembangkan infrastruktur ekonomi dan sosial bagi meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi.

Di sini saya ingin menarik perhatian Kerajaan iaitu semasa pelaksanaan projek-projek pun bangunan, contohnya pembinaan, pihak-pihak yang melaksanakan pembinaan ini memperolehi keuntungan yang besar sebelum pembinaan ini dapat dinikmati oleh rakyat jelata. Dalam hal ini, Kerajaan seharusnya

menimbangkan supaya projek-projek seperti ini tidak disalurkan kepada sebuah syarikat sahaja tetapi hendaklah diberi kepada satu kumpulan syarikat-syarikat tempatan, koperasi-koperasi yang berkebolehan sama ada mereka bersendirian atau, dengan izin, joint venture, dengan syarat-syarat yang berkebolehan supaya apa jua keuntungan-keuntungan akan dinikmati bersama oleh banyak pihak dan bukanlah hanya oleh satu pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kemelesetan ekonomi di negara ini, Kerajaan telah pun melonggarkan syarat-syarat pelaburan di negara ini untuk menarik minat pelabur-pelabur asing menanam modal di negara ini supaya dapat kita memperkembangkan ekonomi di dalam negara ini. Dalam melonggarkan syarat-syarat pelaburan, apa yang perlu diberi perhatian dan pengkhususan ialah menentukan semua atau sebahagian besar komponen yang digunakan dalam pengeluaran atau pemerosesan oleh pelabur-pelabur asing ini mestilah daripada bahan-bahan atau barang buatan Malaysia melalui usahawan-usahawan di negara ini. Ini akan dapat mengembangkan proses pengeluaran, proses perindustrian di negara ini serta memberi pekerjaan kepada rakyat di bandar mahupun di luar bandar dan menahan pengeluaran wang daripada negara-negara kita ke negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1987, Kerajaan merancang untuk membina 80,000 unit rumah-rumah kos rendah. Dalam perkara ini didapati pada masa lepas pembinaan rumah kos rendah tidak dapat dilaksanakan dengan sewajarnya. Apa yang didapati bukanlah rumah kos rendah, tetapi rumah-rumah kos sederhana. Walau bagaimanapun, di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

telah menyatakan langkah-langkah tertentu akan diambil untuk mengurangkan kos-kos rumah rendah. Dalam melaksanakan perkara ini, saya berharap pengurangan kos rumah rendah tidak akan menjejaskan kualitinya supaya mereka yang akan memiliki rumah-rumah tersebut akan dapat hidup dengan selesa dan penuh kebahagiaan serta dapat mendidik dan membesarkan anak-anak mereka dengan baik kerana anak-anak inilah yang akan mewarisi negara kita di masa depan. Kerajaan perlu sedar iaitu projek perumahan merupakan perkara yang penting kerana di kawasan inilah yang akan berlakunya interaksi masyarakat anak-anak kita, jenerasi akan datang akan dibesarkan dan dididik dalam keadaan suasana dalam sesebuah projek pembangunan ini. Oleh yang demikian, saya berharap agar Kerajaan bukan hanya menyediakan rumah-rumah sahaja, tetapi hendaklah disertakan dengan segala infrastruktur, keperluan-keperluan yang lain seperti persekolahan, dewan, surau, klinik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal perumahan ini, dengan kemelesetan ekonomi sektor perumahan turut terlibat secara langsung dan ianya juga turut menggoncangkan usahawan-usahawan negara. Semasa perkembangan ekonomi, Kerajaan telah menggalakkan pemilihan harta dan tanah. Mereka yang mampu telah terus memajukannya, sementara untuk yang lain, pihak-pihak bank telah digesa supaya memberikan bantuan kewangan dan kemudahan yang lain. Dengan kemelesetan ekonomi, apa yang mendukacitakan ialah bank-bank juga telah mengetatkan polisinya dan mengambil tindakan terhadap usahawan-usahawan yang sedang mengalami kerumitan. Kerajaan telah berusaha membelanjakan berjuta-juta ringgit dalam melaksanakan Dasar Ekonomi

Baru, tetapi sekarang sanggupkah Kerajaan berpeluk tubuh sahaja melihat usahawan-usahawan ini terkandas. Berapa ramai yang telah menggulung tikar dan menghadapi bankrupsi. Saya minta Kerajaan supaya mendesak bank-bank jangan bertindak keras. Kemudahan kewangan dan lain-lain kemudahan yang diberi, perlulah dikaji dan disusun semula dan hanya setelah segala usaha dijalankan dan diikhtiarkan, barulah tindakan bankrupsi atau melelong harta dijalankan. Pertolongan ini perlulah diberi oleh semua pihak bank di Malaysia kepada semua pinjaman-pinjaman bukan sahaja terhad kepada sektor perumahan sahaja malah sektor perindustrian yang lain yang juga menghadapi kerumitan kewangan dalam keadaan kemelesetan ekonomi dan janganlah pertolongan ini diberi kepada mereka yang mempunyai pengaruh dan kepentingan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Kerajaan membina projek pembangunan, sama ada dari segi meningkatkan pendapatan negara, Kerajaan hendaklah mengkaji sedalam bagi setiap projek yang diusahakan dan memastikan projek-projek itu betul-betul mendatangkan keuntungan kepada negara dan kenikmatan kepada rakyat. Berbagai contoh terdapat di mana kelemahan-kelemahan perancangan didapati seperti pembinaan Lapanganterbang di Kuala Tahan. Apa yang saya dapat lihat, Lapanganterbang ini telah menolong perbelanjaan yang begitu besar semasa pembinaannya, tetapi masa ini projek tersebut telah terhenti begitu sahaja dan ini mengakibatkan kawasan ini semak-samun semula dan kerosakan telah pun berlaku ke atas apa yang telah dibina.

Menyentuh projek-projek yang gagal seperti yang berlaku di kawasan saya iaitu di kawasan Tebrau yang mana terdapat projek-projek

pembinaan sekolah pasang siap, tetapi apa yang dikesalkan ialah setelah empat tahun berlalu tetapi masih tidak siap. Projek-projek yang terlibat ialah pembinaan sekolah kebangsaan di Kampung Kopok dan Kampung Sungai Tiram dan pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan di Ulu Tiram. Projek pembinaan sekolah-sekolah ini juga terbengkalai begitu sahaja dan sekarang pembinaannya ada yang separuh siap telah pun mengalami keretakan dan kereputan. Begitu juga halnya dengan projek bekalan air yang diperuntukkan di kawasan Kampung Melayu Pandan Darat di mana batang-batang paip telah dipasang lebih kurang dua kilometer panjangnya yang telah pun dilaksanakan empat tahun yang lalu, tetapi apa yang didapati hingga kini belum ada air yang mengalir dan paip-paip tersebut telah pun dimasuki dengan pasir.

Perkara-perkara yang saya kemukakan ini adalah merupakan kelemahan perancangan yang mengakibatkan pembaziran wang negara tanpa faedah yang kita perolehi. Oleh itu, saya ingin mengetahui apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil mengenai Lapanganterbang Kuala Tahan di Pahang, sekolah-sekolah pasang siap tetapi hingga sekarang masih tidak siap dan bilakah paip-paip air yang dipasang di kampung melalui Pandan Darat dapat mengalirkan air.

Tuan Yang di-Pertua, kita ketahui bahawa Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan mengurangkan ketidakseimbangan antara kaum. Dalam hasrat untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan telah menubuhkan agensi-agensi badan-badan berkanun serta syarikat-syarikat Kerajaan. Walaupun pada dasarnya objektif atau matlamat agensi-agensi badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat Kerajaan adalah baik, tetapi malangnya dari

pelaksanaannya sebahagian daripadanya telah mengalami kerugian yang besar. Oleh itu sudah tiba masanya untuk Kerajaan mengkaji matlamat-matlamat tiap-tiap agensi-agensi badan-badan berkanun, syarikat-syarikat Kerajaan jika berkesan dan sekiranya berlaku duplikasi dalam pencapaian matlamat mereka, saya berpendapat memang eloklah agensi-agensi badan-badan berkanun, syarikat-syarikat Kerajaan digabungkan. Jika tindakan seperti ini diambil, bermakna bukan sahaja akan meningkatkan kecekapan, tetapi akan meringankan beban kewangan negara dan akan menyenangkan rakyat untuk mendapat perkhidmatan dan bantuan dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan untuk menaikkan kadar faedah bagi pinjaman perumahan dari 4% kepada 6% masih rendah jika dibandingkan dengan kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank perdagangan. Walau bagaimanapun bagi mereka dalam Kumpulan "C" kenaikan ini akan membebaskan mereka yang telah mengambil pinjaman, oleh kerana mereka terpaksa menambah bayaran ansuran bulanan dan setelah ditolak lain-lain tanggungan seperti bayaran caruman KWSP, cukai pendapatan, pinjaman koperasi dan lain-lain, maka jumlah gaji bersih semakin sedikit, dengan itu kemungkinan ada di antara mereka yang tidak mampu membayar balik pinjaman dan akan terpaksa hentikan pinjaman mereka. Dalam hal ini saya harap Kerajaan akan memberi kelonggaran kepada mereka untuk bayaran balik pinjaman perumahan mereka supaya keadaan tidak mendesak sehingga memaksa mereka menjual rumah mereka kerana tidak berkemampuan membayar tanggungan-tanggungan yang sedia ada.

Berkenaan dengan memperkukuhkan dan meningkatkan

pungutan hasil cukai, di sini saya cadangkan supaya peraturan-peraturan memungut hasil cukai dari syarikat-syarikat diperketatkan. Peraturan yang sedia ada ialah apabila sebuah syarikat tidak kemukakan penyata kewangan dan borang cukai mereka, satu taksiran sementara, dengan izin, provisional assessment akan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan. Jika syarikat berkenaan tidak menjelaskan bayaran cukai seperti penyata dalam taksiran tersebut dalam masa 3 bulan denda akan dikenakan sekaligus dengan kadar 15% atau jumlah cukai yang ditaksirkan, selepas itu jika bayaran cukai masih tidak dijelaskan, tiada denda akan dikenakan lagi sehingga Kerajaan terpaksa mengambil tindakan undang-undang ke atas syarikat-syarikat berkenaan. Keadaan seperti ini boleh menggalakkan syarikat-syarikat sengaja melambatkan pembayaran cukai untuk mana-mana tahun. Adalah dicadangkan Kerajaan meningkatkan denda ke atas syarikat-syarikat yang melengah-lengahkan pembayaran cukai mereka dan juga supaya peruntukan-peruntukan diadakan di dalam Akta Cukai, untuk meletakkan tanggungjawab ke atas pengarah-pengarah syarikat supaya mengemukakan penyata kewangan dalam masa yang ditetapkan untuk taksiran cukai.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia terdapat 1,200 pusat video di mana purata pendapatan mereka adalah \$7,000 sebulan dan setahun industri video memperolehi pendapatan dalam lingkungan \$100 juta. Tiap-tiap tahun anggaran 3,720,000 pita video dikehendaki mendapat sijil "B" dan jumlah kutipan oleh Kerajaan sepatutnyalah ada dalam lingkungan \$44,678,000 merupakan bayaran \$12 untuk tiap-tiap satu sijil "B", tetapi oleh kerana pusat-pusat video mempunyai kos pengendalian yang tinggi, maka kebanyakan dari mereka

tidak mampu membayar kos \$12 untuk tiap-tiap pita video dan ini menjejaskan prestasi kutipan oleh Kerajaan. Kini Kerajaan terpaksa mengadakan, dengan izin, police raid dan merampas beribu-ribu pita video kerana gagal membayar kos sijilnya. Supaya Kerajaan tidak rugi dari segi kutipan dari perniagaan ini dan supaya pusat-pusat video juga dapat menjalankan perniagaan mereka dengan teratur, adalah dicadangkan supaya Kerajaan mengkaji dan mengadakan sistem hasil yang senang dan sesuai dan yang tidak merugikan mana-mana pihak.

Berkenaan dengan cukai jualan ke atas rokok dan minuman keras, saya juga merasa kesal kerana Kerajaan hanya menaikannya kepada 15%. Saya harap Kerajaan akan mengkaji semula demi untuk kesihatan dan juga supaya tidak menyenangkan dan menggalakkan anak-anak muda yang tidak ada pekerjaan dan pelajar-pelajar dengan mudahnya mendapat barang-barang ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai banyak tempat-tempat pelancongan dalam negeri yang menarik, yang tidak perlu saya nyatakan di sini, tetapi masih ramai rakyat Malaysia yang lebih suka melancong ke luar negeri. Dalam perkara ini saya berpendapat perlulah Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia memainkan peranan yang lebih aktif untuk memperkenalkan Malaysia kepada rakyatnya, bukan sahaja di peringkat antarabangsa, perlu juga tempat-tempat ini dipertingkatkan lagi keindahannya supaya bukan sahaja untuk menarik perhatian rakyat jelata, tetapi juga para anggota Kabinet supaya dengan sukarela mereka tidak mengambil kemudahan dari Kerajaan untuk bercuti keluar negeri, tetapi melancong di dalam negeri dan menikmati keindahan alam semula jadi di negara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada seminit lagi.

**Puan Zainabon binti Abu Bakar:** Baiklah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah tegas Belanjawan 1987 bukan sahaja akan memperbaiki kedudukan kewangan Kerajaan, juga membolehkan pertumbuhan ekonomi bagi kepentingan negara. Usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti sambil mengurangkan kos perbelanjaan perlu diterima oleh orang ramai. Dalam hal ini amatlah perlu Pusat Daya Pengeluaran Negara berusaha dengan lebih gigih untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya peningkatan daya pengeluaran untuk menggerak ekonomi negara.

Memandang produktiviti semakin hari semakin dingin dan terlalu banyak masa bekerja disia-siakan, Pusat Daya Pengeluaran Negara perlulah wujud sistem pengukuran produktiviti dan lain-lain usaha untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti semua pekerja sama ada di sektor awam atau swasta. Walau bagaimanapun saya percaya ramai rakyat yang bersedia berusaha dan berkorban untuk memulihkan ekonomi negara untuk kepentingan kita bersama.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Belanjawan 1987.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Parit.

5.27 ptg.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin (Parit):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkan satu Belanjawan yang secara

keseluruhannya adalah sangat berpatutan demi untuk mengatasi dua masalah terbesar yang dihadapi oleh negara, iaitu kemelesetan ekonomi dan ketidakseimbangan di dalam Belanjawan Negara.

Pembentukan Dasar Belanjawan adalah satu perkara yang sangat rumit apabila negara mengatasi kedua-dua masalah tersebut pada masa yang sama. Ini adalah kerana biasanya terdapat unsur-unsur dengan izin, "trade off" di dalam usaha-usaha untuk menyelesaikan kedua-dua masalah tersebut. Pada dasarnya kemelesetan ekonomi memerlukan Kerajaan melaksanakan fungsi pengembangan untuk memulihkannya.

Berhubung dengan Dasar Belanjawan ini, ini biasanya memerlukan Kerajaan mempertingkatkan perbelanjaan atau mengurangkan cukai atau campuran di antara kedua-duanya. Mana-mana pun pendekatan yang dipilih dasar pengembangan biasanya akan menyebabkan Belanjawan Negara mengalami defisit atau dalam konteks kedudukan kewangan negara sekarang peningkatan kepada jumlah defisit. Tuan Yang di-Pertua, namun begitu Yang Berhormat Menteri Kewangan telah dapat mengenalpasti beberapa perkara yang dapat mengatasi kedua-dua masalah tersebut secara serentak.

Langkah untuk mengurangkan bilangan pelajar yang dihantar ke seberang laut dengan menggalakkan penubuhan kolej-kolej swasta dan penambahan pengambilan pelajar oleh universiti-universiti tempatan dapat membaiki imbalan pembayaran, menjimatkan peruntukan matawang asing dan meninggikan pendapatan negara. Selain dari itu kos pembiayaan bayaran tempatan adalah jauh lebih rendah dari kosnya di seberang laut dan ini bersama-sama dengan

pengubahsuaian kepada Skim Biasiswa dapat memperbaiki Belanjawan Negara. Pada masa yang sama ianya dapat mengurangkan masalah pengaruh kebudayaan kuning dan kurang kesetiaan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dua perkara lain yang dapat mengurangkan Belanjawan Negara dan memperbaiki imbalan pembayaran dengan serentak ialah pemansuhan elaun perjalanan percutian dan pengurangan bilangan dan saiz perwakilan diplomatik dan lain-lain pejabat di luar negeri. Sehubungan dengan ini saya rasa adalah lebih produktif jikalau Pegawai-pegawai Diplomatik ditugaskan juga dengan tanggungjawab untuk menggalakkan pelaburan perdagangan dan pelancongan. Walau bagaimanapun mereka mestilah melengkapkan diri supaya dapat melaksanakan tanggungjawab ini secara efektif.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ketidakseimbangan di dalam Belanjawan Negara adalah satu masalah yang sungguh meruncing, maka Kerajaan tidak berupaya untuk meningkatkan keluaran negara secara langsung. Dalam keadaan sedemikian peranan Kerajaan ialah untuk menggalakkan sektor swasta dan sektor luar untuk merebut peluang-peluang ekonomi di dalam negara.

Di dalam Ucapan Belanjawannya Yang Berhormat Menteri telah menambahkan lagi beberapa insentif cukai kepada insentif yang sedia ada untuk menggalakkan pelaburan. Galakan-galakan baru untuk eksport dan kajian semula dasar-dasar perlindungan amatlah dialu-alukan dan ianya dapat meningkatkan kecekapan dan persaingan keluaran negara.

Walaupun bagaimanapun, saya kira sungguhpun banyak bilangan insentif cukai dan insentif-insentif lain yang

telah kita adakan, bahkan ada yang mengatakan bahawa bilangan dan jenis insentif cukai yang diadakan adalah di antara yang terbaik di kalangan negara-negara perindustrian yang baru. Namun begitu, sambutan yang didapati belum begitu memberansangkan. Saya berpendapat unsur keraguan atau unsur ketidakpastian di kalangan pelabur-pelabur adalah satu faktor yang menyebabkan mereka khuatir untuk melabur. Unsur utama yang menyekat pelabur di dalam keadaan seperti sekarang ini ialah psikologi kemelesetan.

Di dalam beberapa hal yang tertentu, saya mempercayai tentang kebenaran teori ekspektasi yang mengatakan bahawa sekiranya kita menyangka sesuatu keadaan akan berlaku dan mengambil tindakan berdasarkan jangkaan itu, maka keadaan yang dijangka itu akan menjadi realiti.

Begitu juga dengan keadaan kemelesetan ekonomi negara memang telah diketahui oleh umum bahawa negara kita sedang menghadapi masalah tersebut sekarang, tetapi sekiranya kita mengharapkan supaya perkara itu tidak terus meruncing dan berhajatkan kepada pemulihan dan seterusnya pertumbuhan ekonomi, maka unsur ketidakpastian yang berleluasa ini di kalangan semua pihak, pelabur, peniaga, pengguna dan sebagainya harus dihapuskan. Pihak DAP saya rasa lebih memahami perkara ini.

Baru-baru ini Bank Negara Malaysia telah menggunakan polisi kewangannya untuk memulihkan keadaan ekonomi. Keperluan cadangan berkanun dan keperluan mudah tunai telah diturunkan. Penurunan keperluan-keperluan ini bertujuan untuk menambahkan penyediaan wang untuk membiayai pelaburan dan juga perbelanjaan-perbelanjaan lain yang layak dibiayai.

Walau bagaimanapun, sama ada ianya dapat menggalakkan pelaburan, bergantung pertama sekali kepada keinginan bakal-bakal pelabur untuk melabur. Keinginan ini didorong oleh hasrat untuk mendapat pulangan. Sekiranya gambaran masa depan yang didapatinya adalah malap, maka kemudahan pembiayaan tidak dapat menggerakkan mereka untuk melabur.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kurangnya keupayaan bank untuk membiayai, sungguhpun benar, bukanlah merupakan faktor yang utama sekali. Selain daripada skim-skim pembiayaan yang lain, kita telah mengadakan dua skim pembiayaan yang agak besar iaitu Tabung Pelaburan Baru dan pinjaman daripada Bank Dunia bagi faedah-faedah pengusaha kecil dan sederhana. Walau bagaimanapun, sambutan pelabur terhadap skim ini masih kurang menggalakkan. Saya kira jika masalah psikologi kemelesetan dapat dikurangkan, sambutan pelabur-pelabur terhadap skim-skim pembiayaan ini dapat dipertingkatkan. Ini dapat dilaksanakan dengan memberikan gambaran yang lebih cerah berkenaan dengan masa depan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, gejala unsur keraguan di kalangan pengguna-pengguna harus juga diatasi. Kenaikan kadar faedah kepada pinjaman perumahan dan kenderaan dan pencaruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan mengurangkan lagi kuasa membeli di kalangan kakitangan Kerajaan. Ini akan mengurangkan permintaan terhadap keluaran negara. Saya tidak menyoal tentang kesesuaian langkah-langkah ini kerana kita terpaksa membandingkan kesan negatif langkah-langkah ini terhadap keluaran negara dengan kesan positif terhadap belanjawan Kerajaan. Tetapi saya rasa apa-apa kuasa membeli yang masih

ada pada pengguna, tidak seharusnya ditahan dengan kadar keterlaluan. Sekiranya ia tertahan, keluaran negara akan terus terjejas. Ramai yang mengutarakan supaya pengguna-pengguna lebih berjimat-cermat dalam menghadapi kemelesetan ekonomi. Sekiranya ini diamalkan dengan kadar keterlaluan, maka permintaan terhadap keluaran negara akan berkurangan dan ini dengan sendirinya akan menyebabkan pengeluar-pengeluar menghadkan pengeluaran, akibatnya ekonomi negara akan terus terjejas dan keadaan buruk yang diduga itu akan menjadi realiti.

Saya yakin ekonomi negara akan dapat dipulihkan sekiranya unsur optimis dapat ditanamkan di kalangan pelabur, peniaga, pengguna dan sebagainya. Sekiranya semua pihak yakin ekonomi akan pulih dan bertindak di atas keyakinan ini, maka dengan izin Allah, ekonomi akan pulih.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya gambaran optimis yang cuba saya tonjolkan di sini bukanlah satu gambaran yang tidak berlandasan. Ada tanda-tanda yang menunjukkan ekonomi negara mampu dipulihkan. Sungguhpun eksport kasar masih menurun, Laporan Bank Negara Malaysia menunjukkan kadar kejatuhan sebanyak 7.9% dalam suku pertama tahun ini, adalah lebih rendah daripada kadar penurunan 8.9% pada suku tahun sebelumnya. Sementara itu import kasar telah mengalami kadar penurunan yang lebih besar iaitu 20.3% pada suku pertama tahun ini berbanding dengan penurunan 16% bagi suku sebelumnya. Dengan ini akaun dagangan terus menunjukkan prestasi yang memuaskan. Lebihan dagangan telah meningkat dari \$2,448 juta pada suku terakhir 1985 kepada \$2,524 pada suku pertama tahun ini (1986). Lebihan dagangan adalah cuma \$1,657 juta sahaja. Bagi

komoditi utama, walaupun eksport kasar secara am masih merosot, getah kelapa sawit telah mencatatkan pertambahan dan mengalami harga yang meningkat dengan mantapnya. Barang-barang perkilangan pula telah mengalami peningkatan di dalam eksport kasarnya dengan kadar tahunan sebanyak 10.3% pada suku pertama tahun ini, berbanding dengan kejatuhan sebanyak 9.8% pada suku akhir tahun lepas.

Di taraf antarabangsa pula, statistik terbaru menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dalam keadaan ekonomi sebilangan negara industri utama. Keluaran terbaru majalah "The Economist" menunjukkan bahawa sungguhpun kadar pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun masih lembab, kadar pertumbuhan negara pengimport yang lain seperti Jerman Barat, Perancis dan Australia adalah amat menggalakkan. Negara-negara itu telah mengalami pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya dan peningkatan yang berterusan di dalam pengeluaran perindustriannya. Misalnya, Jerman Barat telah mencatatkan perubahan sebanyak 14.3% setahun di dalam Keluaran Negara Kasarnya dan 9.3% setahun di dalam Keluaran Perindustriannya bagi tempoh 3 bulan terakhir yang dilaporkan berbanding dengan 3.3% dan 3% bagi tahun ini secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi negara-negara yang disebutkan tadi akan memberi kesan yang positif terhadap keadaan ekonomi dengan meningkatnya permintaan terhadap komoditi utama dan barang-barang perkilangan. Menurut Laporan Bank Negara, kesan-kesan awal telah pun dirasai, industri elektronik, tekstil dan kayu telah mencatatkan peningkatan dengan pesanan-pesanan dari luar negeri. Selain daripada itu, harga

getah dan minyak kelapa sawit telah menjadi kukuh dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Suasana yang optimis ini jarang disuarakan tetapi berdasarkan pemerhatian, ini saya percaya proses pemulihan dapat dipercepatkan jika kita menghadapi dengan sikap yang optimis dan langkah yang positif.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi telah mengingatkan kita semua tentang strategi pembangunan negara. Kerajaan telah menyedari hakikat bahawa perkilangan adalah jentera pembangunan negara. Sungguhpun komoditi utama masih lagi merupakan eksport utama negara, kita telah berjaya meningkatkan eksport barang-barang perkilangan. Di antara barang-barang perkilangan eksport meningkat penting adalah eksport barang-barang elektronik dan tekstile. Sungguhpun kedua-dua jenis eksport ini telah menunjukkan prestasi yang baik, kita tidak seharusnya berpuas hati dengan eksport ini dan jenis-jenis eksport semasa yang lain sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk mempelbagaikan eksport perkilangan, kita harus mengambil pelajaran daripada kedua-dua jenis eksport tersebut. Kedua-duanya adalah berasaskan kepada bahan-bahan yang diimport dan bukan kepada hasil kekayaan negara kita. Memandangkan kepada kejatuhan harga keluaran utama seperti getah, minyak kelapa sawit, bijih timah dan kayu balak, maka kita harus menggalakkan pengeluaran barang-barang perkilangan berasaskan keluaran utama ini.

Oleh itu, agensi-agensi penyelidikan yang berkaitan seperti RRI, PORIM, FRI dan sebagainya mestilah menumpukan perhatian yang lebih kepada pembangunan keluaran ataupun, dengan izin, product development, selain dari penyelidikan

conventional yang telah dilakukan sekarang. Selain dari menghasilkan keluaran-keluaran baru, penyelidikan-penyelidikan juga harus dijalankan mengenai teknik pengeluaran yang sesuai untuk industri kecil yang berinsentif buruh atau yang menggunakan alat-alat jentera yang boleh dihasilkan di negara ini dan bukan yang memerlukan jentera-jentera dan alat-alat yang terpaksa diimport. Ini dapat menggalakkan pertumbuhan industri kecil mengadakan banyak peluang pekerjaan dan menjimatkan pertukaran wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu insentif fizikal menggalakkan pelaburan yang diadakan patutlah memberi galakan kepada industri-industri kecil di negara ini. Insentif yang wujud sekarang secara tidak langsung telah juga mendiskriminasikan industri-industri kecil dengan mengadakan pelepasan cukai atau, dengan izin, tax holidays yang progresif mengikut nilai pelaburan dan bilangan pekerja-pekerja. Kita telah memberi keistimewaan kepada firma-firma yang besar, walhal dari segi sumbangannya kepada penggunaan tenaga buruh negara, industri kecil yang lebih penting. Mengikut statistik adalah lebih kurang 6,205 industri kecil sementara industri besar hanya 2,138 sahaja—industri kecil tergolong daripada 75%, pada hal industri besar hanya 25% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan gejala diskriminasi ini saya berpendapat supaya insentif cukai progresif ini diganti dengan kredit cukai yang tetap bagi setiap pekerja tidak mahir yang digajikan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia terlalu bergantung kepada beberapa komoditi utama untuk perolehan eksportnya. Misalnya dalam tahun 1985, 29% dari pendapatan eksport

adalah daripada minyak mentah, 10% daripada minyak kelapa sawit dan 7% daripada getah. Kejatuhan harga-harga komoditi sewajarnya menjajaskan pendapatan eksport dari komoditi ini walaupun pelbagai ekonomi bukanlah suatu idea yang baru, tetapi kemajuan usaha ini masih terbatas. Industri-industri yang berasaskan pertanian perlu digiatkan untuk mempelbagaikan eksport di samping mengurangkan import. Langkah-langkah Kerajaan mengurangkan kadar faedah ke atas Tabung Pelaburan Baru kepada 10% adalah langkah yang bertepatan dan menggalakkan. Langkah potongan cukai syarikat dengan memberi potongan sehingga sebanyak 50% berdasarkan kepada prestasi eksport sesebuah syarikat juga dialu-alukan. Walau bagaimanapun, penyelidikan dan pembangunan atau, dengan izin, R & D adalah pra-syarat utama ke arah kemajuan sektor. R & D perlu digiatkan untuk melihat potensi-potensi pemerosesan makanan, penggunaan komoditi pertanian untuk tujuan-tujuan perindustrian dan pengeluaran makanan untuk ternakan. Kajian semula perlu dibuat mengenai penumpuan kajian pertanian semasa di MARDI, RRI, PORIM dan di universiti-universiti untuk memastikan bahawa usaha-usaha kajian diarahkan kepada pencapaian matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, makanan seperti beras, ikan, gula, daging, buah-buahan dan makanan binatang mengambil sebanyak 11% dari nilai import dalam tahun 1985. Dari segi jumlah import negara, import ini boleh dikurangkan sekiranya Malaysia dapat menggalakkan pertumbuhan sektor makanan ini. Malaysia mempunyai sumber-sumber dan kemampuan untuk mengeluarkan makanan seperti buah-buahan dan makanan ternakan. Sektor makanan tidak menunjukkan kemajuan yang pesat di masa lampau dan masih

menghadapi masalah saiz kebun kecil dan berselerak. Produktivitinya rendah serta kekurangan infrastruktur. Yang terpenting sekali ialah sehingga kini tidak terdapat penemuan-penemuan kajian yang bermakna untuk memperbaiki pengeluaran. Sektor makanan perlu diperkembangkan untuk mengurangkan import di samping meningkatkan penggunaan sumber dan penyediaan peluang-peluang pekerjaan. Malaysia harus mengamati kemajuan sektor makanan di Thailand di mana sektor ini telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dari segi teknologinya mahupun dari segi pemasarannya.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan sektor pertanian semenjak 1980 sebenarnya adalah malar kecuali untuk sektor kelapa sawit. Sektor-sektor pertanian tradisional khususnya makanan walaupun mempunyai potensi mengalami kesan yang negatif akibat perkembangan sektor-sektor komoditi kelapa sawit, koko, pembuatan dan perumahan. Perkembangan sektor ini menarik aliran pelaburan dan buruh mahir dari sektor tradisional ke dalam sektor ini. Aliran ini harus dikurangkan untuk menggalakkan kemajuan sektor makanan.

Tuan Yang di-Pertua, kos pengeluaran komoditi seperti kelapa sawit, getah dan padi kian meningkat. Ini adalah gejala yang membimbangkan kerana persaingan rapat Malaysia iaitu Indonesia yang mempunyai potensi dan keupayaan untuk mengeluarkan komoditi dengan murah kerana kedudukannya lebih baik dari segi keluasan tanah dan penawaran buruh yang banyak. Kos pengeluaran perlu dikurangkan melalui peningkatan daya pengeluaran, pengurusan yang cekap dan pengurangan kerugian lepas tuai atau, dengan izin, post-harvest losses. Peningkatan daya pengeluaran akan

hanya dapat dicapai melalui R & D dan penyampaian atau penyerapan yang cepat oleh semua sektor. Malaysia setelah lama menjalankan kajian mengenai kelapa sawit dan getah, tidak seharusnya bermurah hati untuk memindahkan teknologi ini kepada negara-negara saing khasnya Indonesia dan Thailand.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Tuan Nasruddin bin Alang Saidin:** Terima kasih di atas ingatan Tuan Yang di-Pertua. Penyekatan harus dibuat ke atas aliran keluar maklumat kajian-kajian ini. R & D juga perlu untuk mengurangkan penggantungan sektor pertanian kepada tenaga manusia seperti untuk Getah, Kelapa Sawit dan Padi. Sektor pemasaran komoditi juga perlu dipermodenkan untuk mengurangkan kerugian-kerugian lepas tuai.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya merayu supaya sektor pertanian dan pembangunan yang mana telah dititikberatkan oleh pihak Kerajaan dalam Belanjawan ini supaya dapat memberi perhatian yang lebih terhadap Ketumbuhan Blok di Perak Tengah yang mana kajian mendalam telah pun dibuat dan lebih daripada \$1 juta telah dibelanjakan. Saya merayu supaya ketumbuhan blok ini diteruskan dan dilaksanakan dengan seberapa segera untuk memastikan supaya segala infrastruktur dan juga kemudahan jalan ladang dapat dilaksanakan demi untuk masyarakat Perak Tengah yang daif lagi miskin supaya masa depan rakyat-rakyat di Perak Tengah lebih terjamin.

Sekian, saya ucapkan terima kasih dan menyokong Belanjawan 1987.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Betong.

5.47 ptg.

**Tuan Douglas Uggah Embas (Betong):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap bagi pertama kalinya.

Saya bangun menyokong Usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Belanjawan 1987 pada 24hb yang lalu. Bagi pihak rakyat Betong, saya mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional, khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas Belanjawan yang tegas, berterus terang, dinamis dan berani.

Belanjawan 1987 membuktikan kesedaran Kerajaan atas keadaan sebenarnya yang dihadapi oleh negara kita sekarang. Langkah-langkah yang telah digariskan dalam Belanjawan menunjukkan keazaman Kerajaan untuk memulih ekonomi yang meleset dan terus membangunkan kawasan luar bandar. Langkah-langkah ini juga dinamis kerana ia juga akan menukar corak eksport, mempelbagaikan sektor perkilangan dan membentuk asas untuk menyediakan pihak swasta memainkan peranan sebagai penggerak utama dalam pembangunan negara. Potongan-potongan gaji, elaun dan keistimewaan Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri adalah bukti nyata kesediaan pemimpin-pemimpin kita berkorban demi kepentingan negara selaras dengan cogan-kata "Kepimpinan Melalui Tauladan". Kegentingan ekonomi kita sebenarnya yang kita akan hadapi telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sebab-sebab kemelesetan ekonomi dengan jelasnya dikemukakan. Penjelasan yang terbuka dan terus terang adalah penting supaya rakyat jelata memahami kenyataan. Dengan memahami kenyataan ini, maka mereka tidak mudah diputarbelitkan

oleh pihak yang tidak bertanggung-jawab.

Belanjawan 1987 membentuk asas mengukuhkan ekonomi negara dan melegakan petani, pekebun kecil dan golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan cukai atas rokok dan minuman keras adalah selaras dengan hasrat kita hendak mengurangkan tabiat merokok dan minum minuman keras, khususnya di kalangan belia dan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ekonomi dan sosial yang timbul akibat kemelesetan ekonomi adalah satu cabaran yang hebat pernah dihadapi segenap lapisan masyarakat. Dalam keadaan begini, rakyat khususnya golongan yang mengalami kerugian, kehilangan pekerjaan dan yang merasa taraf kehidupan yang menurun perlulah bersabar. Oleh yang demikian, seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menyeru kesefahaman dan pengorbanan dari segenap lapisan masyarakat, termasuk pemimpin politik, pegawai-pegawai Kerajaan, kesatuan-kesatuan sekerja dan petani di kota dan di desa adalah tepat untuk menentukan keupayaan kita mengatasi segala masalah yang kita sedang lalui sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat yang taat setia kepada negara yang inginkan keamanan dan kemakmuran haruslah menyahut seruan Yang Berhormat Menteri Kewangan itu.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah memberi mandat penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihanraya yang lalu untuk mencari jalan membawakan pembangunan kepada mereka. Adalah harapan rakyat bahawa Kerajaan Barisan Nasional akan terus membela nasib mereka.

Belanjawan 1987 adalah bukti nyata bahawa Barisan Nasional tidak lupa dengan janjinya semasa pilihanraya yang lalu dan terus menyusun rancangan membela rakyat, khususnya rakyat di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat berasal dari luar bandar, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah memperuntukkan sebanyak \$4,469 juta atau  $\frac{2}{3}$  daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan 1987 bagi meningkatkan taraf kehidupan dan sosial penduduk-penduduk luar bandar untuk membasmi kemiskinan selaras dengan objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, telah diperakui bahawa kadar kemiskinan di kawasan luar bandar masih tinggi. Mengikut angka 1984, kadar kemiskinan di luar bandar seluruh Malaysia ialah kira-kira 25% dibanding dengan 8% kadar kemiskinan di bandar pada tahun yang sama. Di Sarawak pula pada tahun 1982, kadar kemiskinan di luar bandar kira-kira 31.3% dan di bandar hanya 8.8%. Maka dengan angka-angka ini nyatalah kemiskinan masih masalah utama yang dihadapi oleh rakyat di negara kita ini, khususnya rakyat di luar bandar. Oleh yang demikian, tumpuan tenaga Kerajaan haruslah ditekankan kepada usaha membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan kepada kawasan luar bandar yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan menunjukkan keazaman dan komitmen Kerajaan memerangi mengurangkan kesan kemiskinan negara kita walaupun kita menghadapi kemelesetan ekonomi. Saya menyokong penuh komitmen Kerajaan untuk membela nasib rakyat luar bandar supaya mereka bersama-sama rakyat lain menikmati kemakmuran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan mengenai masalah kemiskinan di luar bandar Sarawak. Di luar bandar Sarawak kebanyakan penduduk yang terdiri dari kaum bumiputera dan kebanyakan mereka ini seperti di tempat-tempat lain adalah terdiri dari golongan nelayan dan pekebun-pekebun kecil. Kebanyakan mereka ini mempunyai tanah yang luas, tetapi mengalami kesan kemiskinan yang teruk. Tanah-tanah yang luas terus terbiar dengan tidak mengeluarkan hasil sepatutnya. Keadaan ini sangat menyedihkan. Dengan hakmilik tanah yang begitu luas, mereka ini seharusnya bebas dari cengkaman kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, berbagai masalah menghalang petani-petani mengusahakan tanah mereka sepenuhnya. Masalah-masalah itu ialah kekurangan modal, kekurangan pengurusan yang moden, masalah pemasaran dan, dengan izin, "fragmented land ownership". Masalah-masalah ini telah menghalang petani-petani tersebut mengusahakan tanah mereka. Setakat mana yang dapat diusahakan oleh mereka, itu hanya menghasilkan pendapatan yang rendah di bawah paras kemiskinan. Saya penuh yakin dengan modal yang cukup, pengurusan moden secara ladang, pemasaran yang cekap dan penyatuan tanah-tanah yang "fragmented" itu, pendapatan petani-petani dari hasil usaha tanah mereka boleh ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat sekarang usaha Kerajaan untuk membantu petani-petani luar bandar ini melalui agensi-agensinya seperti Jabatan Pertanian Negeri Sarawak, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak dan baru-baru ini Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah pun mencuba mengembangkan

kegiatannya ke Sarawak. Tidak dapat dinafikan bahawa beberapa perubahan telah pun dibawa kepada kawasan-kawasan luar bandar oleh agensi-agensi tersebut. Hasil dari tanah mereka yang telah menyertai pembangunan tanah oleh SALCRA dan FELCRA telah pun meningkat, tetapi usaha itu perlu dipertingkatkan berlipat ganda jika kita hendak meluaskan kegiatan mengurangkan tekanan kemiskinan di kalangan petani-petani di seluruh kawasan Negeri Sarawak dengan lebih luas. Oleh yang demikian, saya menyeru Kerajaan mempergiatkan lagi usaha membangunkan tanah oleh FELCRA. Saya menyeru bahawa RISDA, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah mengembangkan kegiatannya ke Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, setelah saya menghadiri beberapa taklimat dan melawat ladang-ladang dan mini estet-mini estet yang telah diusahakan oleh FELCRA dan RISDA, saya yakin FELCRA dan RISDA yang mempunyai pengalaman yang luas dan jentera yang cukup boleh membantu petani-petani di Sarawak menyatu dan memulihkan tanah-tanah bumiputera yang terbiar, tanah-tanah pekebun-pekebun kecil yang diusahakan dengan tidak teratur.

Tuan Yang di-Pertua, golongan nelayan juga mengalami nasib yang sama. Kebanyakan mereka merasa tekanan kemiskinan yang lebih teruk. Oleh yang demikian, saya menyeru Kementerian Pertanian untuk menyusun semula cara pemasaran ikan di Sarawak supaya nelayan mendapat hasil lebih dari tangkapan mereka. Sekarang kebanyakan mereka ini dikongkong oleh orang tengah. Orang tengah inilah mengawal harga ikan-ikan itu. Oleh itu, saya rasa masa telah tiba bagi Kementerian berkenaan menghapuskan orang tengah itu supaya pendapatan nelayan kita dapat meningkat dari sekarang.

Kedua, saya harap Kementerian berkenaan dapat menyediakan kemudahan membolehkan nelayan ini menjalankan pekerjaan sampingan semasa bulan tengkujuh. Tuan Yang di-Pertua, semasa bulan tengkujuh para nelayan tidak ada sumber pendapatan yang tertentu. Inilah masa mereka merasa lebih teruk. Maka langkah-langkah yang positif harus diambil untuk menyediakan pekerjaan sambilan seperti menubuhkan industri-industri kecil di luar bandar di kawasan-kawasan nelayan ini.

Ketiga, saya menyeru Kementerian untuk menyediakan kemudahan-kemudahan penempatan semula kepada nelayan yang sudah tua atau mereka yang hendak berhenti menjadi nelayan atau bersara untuk mendapat mata pencarian yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, usaha membasmikan kemiskinan haruslah dianggap sebagai satu tugas yang "urgent", dengan izin, walaupun kita mengalami kemelesetan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Parti PBB dalam Mesyuarat Agung 1986 telah pun menerima usul mengenai Dasar Ekonomi Baru. Pendirian PBB adalah jelas, kami menyokong penuh langkah UMNO yang ingin menyambung pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selepas 1990 (*Tepuk*). Kami mengutuk mana-mana pihak, baik pun dalam Barisan Nasional ataupun di luar yang cuba hendak menghalang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini (*Tepuk*). Saya kesal hati mendengar Yang Berhormat dari Serian yang telah menyoalkan pendirian Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak tentang Dasar Ekonomi Baru. Jelaslah Yang Berhormat dari Serian tidak membaca suratkhbar yang melaporkan usul dari PBB dalam perhimpunan agung 1986 itu. Nasihat saya kepada Yang Berhormat dari Serian, ialah Yang Berhormat ini perlu menentukan factnya, dengan

izin, sebelum membuat satu sangkaan, janganlah cuba mislead, dengan izin, dan memberi maklumat yang tidak benar dengan sangkaan yang jahat dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memulihkan perniagaan bumiputera melalui keadaan kemelesetan ekonomi, saya menyeru pihak Bank Negara untuk mengarahkan supaya bank swasta bersimpati dengan peniaga bumiputera.

Sekarang bank swasta telah pun tidak menunjukkan simpati dan dengan meningkatkan kadar faedah pinjaman sehingga ke paras 15% atau 16%. Syarat-syarat pinjaman semakin ketat. Ini akan terus menyulitkan keadaan mudahtunai peniaga-peniaga itu. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada Bank Negara untuk menukar sikap bank swasta itu dan menetapkan kadar pinjaman dihadkan kepada paras 10% atas semua jenis pinjaman. Tindakan yang keras harus diambil kepada bank-bank yang mengabaikan syarat-syarat yang digariskan oleh Bank Negara ini. Saya rasa bank swasta harus bersama-sama sektor yang lain berkorban mengurangkan keuntungan mereka dalam masa kemelesetan ekonomi untuk membolehkan sektor swasta memainkan peranan utama memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kemelesetan ekonomi pengangguran tidak dapat dielakkan. Masalah-masalah ini dialami oleh beberapa negara termasuk negara-negara perindustrian di seluruh dunia. Pengangguran akan menjadi masalah sosial utama yang kita hadapi sekiranya tidak ada penyelesaian positif yang disusun.

Pada tahun ini kadar pengangguran kita adalah 8.7%. Angka ini akan dijangka meningkat kepada lebih 9% pada tahun 1987. Ini adalah angka

yang begitu tinggi. Masalah pengangguran ini lebih dirasakan oleh belia-belia yang masih di luar ataupun yang telah berhijrah ke bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kadar pengangguran yang sudah tinggi, saya menyeru Kerajaan mengelakkan seboleh-bolehnya dari membuang pegawai-pegawai Kerajaan dalam usaha berjimat-cermat dan mengurangkan peranan awam dalam ekonomi. Pegawai-pegawai Kerajaan telah memainkan peranan penting dalam sejarah pembangunan negara kita. Pengorbanan mereka untuk negara haruslah dihargai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan pembuangan kerja pegawai-pegawai Kerajaan dan untuk mengurangkan beban perbelanjaan mengurus, saya mencadangkan bahawa:

- (a) Pengambilan baru pegawai-pegawai Kerajaan diberhentikan untuk sementara waktu;
- (b) Kenaikan gaji dibekukan pada tahun 1987; dan
- (c) Program menggalakkan pegawai-pegawai Kerajaan menyertai bidang perdagangan akan terus dipergiatkan lagi supaya pegawai-pegawai yang berminat untuk diberi peluang dan berhenti dari sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap semua pihak memahami keadaan dan sabar, memberi kesefahaman dan kerjasama kepada Kerajaan dalam daya usaha yang mencari jalan menyelesaikan masalah pengangguran.

Telah diperakui, Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Ekonomi bahawa walaupun terdapat masalah pengangguran di dalam ekonomi, kekurangan tenaga buruh masih dialami di beberapa sektor terutamanya sektor perladangan; di beberapa kategori pekerjaan di sektor

pembangunan dan pembinaan dan di sektor pertanian, pekebun-pekebun kecil tradisional hasil dari penghijrahan tenaga belia ke bandar-bandar yang begitu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan bercanggah ini berlaku kerana ada:

- (a) Immobility, dengan izin, tenaga kerja dari satu sektor ke satu sektor.
- (c) Kecenderungan untuk memilih jenis pekerjaan mungkin kerana 48.5% penganggur-penganggur yang mendaftar diri sehingga akhir 1986 adalah terdiri dari mereka yang berkelulusan MCE dan SPM.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini, saya mencadangkan kepada Kementerian berkenaan:

- (a) Mengenalpasti kategori pekerjaan dalam pembinaan yang masih berkurangan dan melatih ramai lagi belia dalam bidang berkenaan.
- (b) Menambah lebih ramai lagi belia memasuki program brigeed kerja yang dianjurkan oleh Kementerian Buruh melalui Jabatan Tenaga Rakyat. Dengan program ini kita berharap ramai lagi belia yang menganggur menukar sikap dan bersedia bekerja di ladang-ladang. Inilah satu sektor yang berpotensi menggunakan tenaga kerja yang banyak.
- (c) Mengadakan program latihan melalui Jabatan Tenaga Rakyat ataupun Jabatan Tenaga Rakyat haruslah disusun mengikut kehendak tenaga kerja dari sektor-sektor tertentu. Ini perlu untuk memastikan bahawa pelatih-pelatih selepas berlatih dapat memenuhi kehendak sektor-sektor dan mendapat pekerjaan. Program ini harus

dianjurkan bersama-sama dengan pihak swasta sebagai on the job training, dengan izin. Dengan cara ini kita berharap dapat mengurangkan jurang di antara pasaran permintaan dan pasaran tenaga kerja yang masih menganggur.

- (d) Mengadakan galakan harus diberi kepada pelabur untuk menumbuhkan industri-industri kecil di kawasan-kawasan luar bandar, khususnya kepada kawasan-kawasan yang terpencil.
- (e) Sebagai langkah jangka panjang, saya menyeru bahawa kurikulum di sekolah harus mendedahkan kepada pelajar-pelajar yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi lagi bahawa mereka mesti bersedia bekerja di ladang dan di sektor pertanian pekebun-pekebun kecil tradisional.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kemelesetan ekonomi berlarutan, pengangguran boleh menjadi masalah sosial yang serius, maka Kerajaan harus menumpukan program untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan kita berharap penganggur-penganggur yang di negara kita ini bersedia mengambil apa-apa peluang yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa Jabatan Tenaga Rakyat mengadakan satu kajian menyeluruh untuk mendapat angka-angka penganggur sebenarnya, khususnya di luar bandar seperti luar bandar di Sarawak. Ini perlu kerana sekarang penganggur dikehendaki mendaftar dengan Pejabat Buruh. Di Sarawak Pejabat Buruh hanya ditempatkan di bandar. Oleh yang demikian, penganggur-penganggur di luar bandar di pedalaman tidak mampu pergi ke bandar kerana

perbelanjaannya begitu tinggi. Maka mereka tidak dapat menikmati perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan segala langkah-langkah Kerajaan yang terus memupuk proses integrasi nasional. Untuk menentukan kewujudan Malaysia yang kekal, aman dan makmur, rakyat Malaysia baik pun di Sabah, di Sarawak ataupun di negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia haruslah mengakui dirinya sebagai seorang rakyat Malaysia dan sebaliknya ke arah pencapaian matlamat integrasi nasional.

Feri Malaysia yang diadakan baru-baru ini adalah satu langkah yang positif untuk membolehkan ramai lagi rakyat Malaysia, khususnya rakyat yang berpendapatan rendah dan menengah melawat dan mengenali negaranya sendiri. Saya percaya Feri Malaysia ini adalah satu alternative transport, dengan izin, yang memberi peluang kepada rakyat yang berpendapatan rendah dan menengah yang tidak mampu menggunakan kapal terbang untuk melawat ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan langkah-langkah pihak Feri Malaysia yang menawarkan tambang deck, dengan izin, yang murah. Dengan tambang baru ini, saya yakin ramai lagi rakyat Malaysia, khususnya rakyat berpendapatan rendah, para pelajar dapat melawat melihat negeri kita untuk menggunakan Feri Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Ya, terima kasih.

Satu dari sumbangan rakyat dan Kerajaan Negeri Sarawak ke arah pencapaian integrasi nasional adalah mengecualikan penggunaan pasport kepada rakyat Malaysia melawat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, malangnya isu pengecualian pasport ini telah pun digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab termasuk Yang Berhormat dari Serian untuk melirukan rakyat. Isu-isu ini telah diputarbelit dengan berbagai andaian untuk menghalang pelaksanaan Dasar ini. Mereka ini mengungkit-ungkitkan isu ini semata-mata hendak menyalahkan Kerajaan Negeri dan untuk mendapat "political score", dengan izin, demi kepentingan kumpulannya dan mengorbankan kepentingan negara. Kritik-kritik yang keluar dari Ahli Yang Berhormat dari Serian ini mengenai pengecualian pasport ini menunjukkan ketidaksedaran Yang Berhormat ini atas segala alasan dan peraturan yang baru ini. Oleh yang demikian, saya menasihatkan Yang Berhormat dari Serian bahawa Yang Berhormat itu harus membaca dan memahami segala peraturan-peraturan yang telah diadakan.

Dengan itu, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Pasir Mas.

6.11 ptg.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 dan akan menyentuh perkara-perkara pokok sahaja.

Suka saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana pada hemat saya

Belanjawan 1987 bukan sahaja satu Belanjawan yang berani untuk memulihkan keadaan ekonomi negara dalam suasana kemelesetan ekonomi yang melanda dunia, tetapi juga satu Belanjawan yang boleh disifatkan sebagai penentu haluan yang sekaligus merupakan satu titik-tolak yang diharap dapat mengubah corak pemikiran, gaya hidup, prestasi pekerja dan struktur ekonomi negara. Tegasnya, Belanjawan 1987 membuka lembaran baru di mana sudah sampai masanya setiap rakyat Malaysia semestinya mempunyai tekad politik untuk mengubah sikap sama ada di peringkat pimpinan, pegawai Kerajaan yang menjadi pelaksana, para peniaga dan usahawan, kesatuan sekerja dan semua lapisan rakyat yang ingin melihat negara ini sentiasa teguh dari segi politik dan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu saya membahaskan Ucapan Terima Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini, saya telah membuat gesaan yang tegas agar Belanjawan 1987 hendaklah merupakan Belanjawan yang dapat mencerminkan janji-janji kita sewaktu kita menghadapi pilihanraya melalui slogan "Tradisi Membela Rakyat". Walaupun ada beberapa aspek dalam Belanjawan 1987 yang menimbulkan rasa kurang senang beberapa pihak, yang saya akan bahaskan kemudian dalam ucapan ini nanti, saya tidak ragu-ragu untuk memperakui bahawa Belanjawan 1987 ialah Belanjawan "Tradisi Membela Rakyat".

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebut "Belanjawan Tradisi Membela Rakyat" ini kerana Kerajaan telah menunaikan amanahnya bagi memperuntukkan  $\frac{2}{3}$  Belanjawan bagi tujuan pembangunan luar bandar. Rakyat luar bandar berhak menerima peruntukan pembangunan luar bandar kerana rakyat luar bandarlah yang menjadi teras utama kepada sokongan

Kerajaan Barisan Nasional. Jumlah peruntukan  $\frac{2}{3}$  ini pada hakikatnya jauh daripada mencukupi untuk memenuhi tuntutan sebenar kehendak pembangunan luar bandar, tetapi ianya harus merupakan tahap permulaan dalam menyempurnakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima.

Sesungguhnya kita tidak mahu lagi mendengar rakyat jelata di luar bandar sesudah menjelang tahun 1990 atau sesudah 33 tahun merdeka kelak, masalah air, api, jalan, kesihatan, pendidikan dan kemudahan asas yang lain dilaung-laungkan lagi. Tanggungjawab ini wajib ditunaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang mengenang budi, yang tidak memancing undi dengan suara-suara perkauman semata-mata, sekadar mencari pengaruh politik untuk kepentingan diri atau segelintir golongan sahaja. Kerajaan seharusnya meneruskan tanggungjawab bagi kepentingan majoriti rakyat dan kestabilan politik negara tanpa rasa ragu-ragu atau bimbang dengan telatah pemimpin-pemimpin parti Pembangkang kerana kehadiran mereka dalam sistem demokrasi yang kita amalkan atau di dalam Dewan yang mulia ini tidak harus memberi kesan terhadap dasar berani dan tekad politik Barisan Nasional untuk membangun negara yang tercinta ini.

Krisis keyakinan dan krisis identiti yang disebut oleh pihak Pembangkang adalah rekaan mereka yang keciwa di atas kemenangan besar Barisan Nasional baru-baru ini. Kegagalan Pembangkang untuk menafikan  $\frac{2}{3}$  majoriti untuk Barisan Nasional dalam pilihanraya baru-baru ini merupakan kekecewaan yang amat sangat dan merupakan krisis kekecewaan dan patah hati Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari Tanjong dan rakan-rakan seperjuangannya dari DAP dan rakan tunggalnya dari PAS. Ini dapat digambarkan melalui gaya

dan cara mereka yang tidak memberi cadangan yang bernas dan membina untuk sama-sama membangun negara dan memperkukuhkan perpaduan kaum agar Tragedi 13 Mei tidak berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati ada beberapa aspek yang kontroversial dalam Belanjawan 1987. Pertama, saranan Kerajaan supaya pembekuan gaji untuk sektor awam dan sektor swasta selama 3 tahun, pemansuhan pencen dan kenaikan faedah pinjaman perumahan dan kenderaan dari 4% kepada 6% untuk kakitangan Kerajaan. Lain-lain aspek telah mendapat sambutan yang meluas di kalangan rakyat terhadap Belanjawan ini, termasuklah pemotongan keraian untuk para Menteri dan pegawai tinggi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita turut bersimpati dengan kakitangan awam Kerajaan dan swasta di atas cadangan pembekuan kenaikan gaji selama 3 tahun, namun rakyat seharusnya sedar bahawa kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah berkurangan sebanyak 1% dalam tahun 1985. Dalam tahun 1986 ianya dijangka bertumbuh 0.5% sahaja. Ini bererti sebarang kenaikan gaji akan mencemaskan lagi kedudukan ekonomi negara. Kita yakin apabila ekonomi negara kembali pulih, Kerajaan Barisan Nasional tidak akan mengabaikan soal kebajikan kakitangannya. Kalau kita lihat langkah-langkah yang diambil oleh negara-negara sahabat dalam ASEAN dan negara-negara di Eropah sendiri, contohnya negara Singapura dan negara Netherlands baru-baru ini, di mana mereka telah mengisytiharkan langkah-langkah yang lebih drastik daripada seruan Kerajaan Malaysia. Inilah yang dikatakan sedikit peruntukan pengorbanan untuk menjamin pekerja-pekerja daripada kehilangan kerja.

Kesatuan-kesatuan Sekerja semestinya menyokong dengan kuat langkah seumpama ini kerana inilah satu-satunya pilihan terbaik dalam keadaan seperti sekarang. Dalam pada itu Kesatuan Sekerja sepatutnya memikir dan mengambil inisiatif untuk mempertingkatkan produktiviti di kedua-dua sektor awam dan swasta. Untuk itu, Tuan Yang di-Pertua, kita menyarankan kepada Kerajaan supaya memansuhkan "contractual bonus", dengan izin, dan menggantikan dengan "performance bonus", dengan izin, sebagai satu langkah untuk meningkatkan prestasi pekerja dan produktiviti negara. Ini merupakan suatu gagasan dimensi baru yang kita sarankan ke arah motivasi dan pencapaian lebih tinggi yang boleh membawa kemampuan bersaing di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, manakala pemansuhan pencen dan kenaikan faedah pinjaman untuk kakitangan Kerajaan harus dilihat dalam aspek yang sama, kita percaya ini adalah langkah sementara yang boleh disemak semula setelah ekonomi kembali pulih seperti sediakala. Apabila keadaan ekonomi kembali teguh dan kedudukan ekonomi negara stabil, kita mencadangkan supaya Kerajaan menubuhkan Tabung Persaraan selain daripada EPF yang sedia ada. Konsep Tabung Persaraan ini adalah sama dengan konsep yang diamalkan oleh pihak swasta dan setengah-setengah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Belanjawan 1987 banyak galakan eksport disediakan tetapi harus diingat walaupun banyak galakan eksport disediakan, tetapi jika kepakaran untuk memasarkan masih lemah untuk menembusi pasaran antarabangsa, segala kemudahan yang menggalakkan dalam Belanjawan ini menjadi sia-sia sahaja. Oleh itu kita cadangkan supaya diwujudkan Badan Penyelidikan Pasaran yang benar-benar berkaliber dan berkesan seperti

yang diamalkan oleh setengah-setengah syarikat multi-national. Badan Penyelidikan ini haruslah memberi tumpuan kajian untuk barangan Malaysia dari segi "market pressure" dan "acceptance", dengan izin, persaingan yang ada serta halangan tariff yang ada dan bagaimana boleh diatasi. Maklumat-maklumat ini hendaklah disebarkan secara meluas supaya sampai kepada pengetahuan para pengeksport.

Begitu juga dalam soal menarik pelabur-pelabur ke dalam negeri. Kita dapat melihat satu demi satu negeri menghantar delegasi ke luar negeri untuk menarik pelabur, pada hal soal penarikan pelabur ini patut diselaraskan di peringkat Pusat dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Pelabur-pelabur hendaklah diagihkan ke negeri-negeri tertentu berdasarkan prioriti tertentu. Delegasi ke luar negeri menarik pelabur kebanyakannya gagal untuk menarik para pelabur melabur ke negeri-negeri tersebut. Delegasi-delegasi yang tersebut menjadi sesuatu yang membazir.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal penswastan ini nampaknya ianya telah menjadi satu cara pendekatan yang baik untuk mengatasi masalah kemelesetan ekonomi. Tetapi janganlah sampai penswastan menjadi satu helah untuk melarikan diri dari tanggungjawab terhadap agensi atau organisasi yang memberi khidmat kepada rakyat. Dalam soal ini, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan soal penswastan Keretapi tetapi apa yang harus kita ingat ialah Perkhidmatan Keretapi adalah merupakan satu perkhidmatan pengangkutan awam untuk rakyat. Di mana-mana negara juga Perkhidmatan Keretapi adalah subsidi yang rugi yang ditanggung untuk kemudahan pengangkutan bagi rakyat. Oleh itu dalam keghairahan kita ke arah penswastan, janganlah

sampai kepentingan rakyat terlalu banyak diabaikan. Janganlah kita terlalu nampak hanya penswastaaan sahaja cara menyelamatkan keadaan. Tentu kita masih ingat ketika Datuk Ishak Tadin menjadi Pengurus Besar, Keretapi telah meningkat kepada prestasi yang memuaskan dari segi perkhidmatan dan perniagaan. Di mana agaknya kesilapan pentadbiran yang ada sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, kita telah menawarkan saham MAS kepada pelabur-pelabur luar negeri. Kini kita sedang menimbangkan agar Keretapi Tanah Melayu pula diberikan kepada swasta ataupun orang luar. Tidakkah semangat dan usaha ini bercanggah dengan cogan "Bangsa tegas negara teguh". Apakah penswastaaan dan Pandang ke Timur merupakan dasar-dasar yang banyak memberi peluang kepada orang-orang luar daripada negara kita? Sedangkan kita melihat gelagat orang-orang luar ternyata tidak begitu menghormati konsep yang dibawa oleh Kerajaan Malaysia. Singapura umpamanya, akan mengundang Presiden Israel melawat negara tersebut. Ini merupakan satu sindirian kepada Malaysia yang memperjuangkan Islam dan dasar berkecuali. Apatah lagi ketika sikap Malaysia menghalau wartawan luar negeri, yang memang ada kaitan dengan usaha Zionist untuk menggugat kedaulatan dan keharmonian negara ini.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan Malaysia memanggil pulang Duta dan kakitangan rakyat Malaysia dalam apa juga misi yang berada di Republik Singapura, pada hari lawatan Presiden Israel itu sebagai tanda protes sikap negara yang tidak menghormati perasaan kejiiranannya (*Tepuk*). Begitu juga saya menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya meninggalkan Republik Singapura pada hari tersebut di waktu lawatan Presiden Israel, jika ianya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menghuraikan Belanjawan 1987 ini merupakan satu skop yang luas. Oleh itu, saya ingin menegaskan sekali lagi penglibatan Kerajaan Barisan Nasional dalam usaha-usaha untuk meninggikan taraf hidup rakyat, khususnya golongan miskin di luar bandar seharusnya tidak ada tolak-ansur lagi. Walaupun dalam pembentangan Belanjawan ini, kita menyokong pemotongan projek pembangunan, tetapi peruntukan untuk rakyat di luar bandar, khususnya yang melibatkan pembangunan hidup petani dan nelayan terus diberi keutamaan, kerana bagi rakyat luar bandar soal kemelesetan ekonomi tidak penting. Soal apakah Keretapi perlu diswastakan atau tidak, tidak juga penting. Apakah harga-harga barang-barang eksport negara jatuh juga tidak penting bagi penduduk luar bandar. Yang penting hanyalah nikmat pembangunan yang telah ditaja oleh Kerajaan Barisan Nasional dalam janji-janji pilihanraya tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut masalah pembangunan luar bandar berulang kali kerana rakyat di luar bandar merupakan rakyat bumiputera dan sudah pula kedengaran ada golongan-golongan yang mula mempertikai soal hak ketuanan politik bangsa Melayu di negara ini. Suka kita mengingatkan bahawasanya sarang tebusan jangan cuba dijolok, sebab kita telah mengingatkan satu ketika dahulu bahawa generasi muda bangsa negara Malaysia sekarang ini yang sudah pun dewasa dan bersemangat cucu Datuk Bahaman, Datuk Maharajalela, Tok Janggut ataupun Mat Kilau, dan menegaskan sesiapa sahaja yang menggugat kedudukan ketuanan politik bangsa Melayu, bererti mereka akan menghadapi satu kecelakaan kerana mereka haruslah sedar di mana langit dijunjung di situlah bumi dipijak.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Belanjawan 1987 ini, terima kasih. *(Tepuk)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.

6.23 ptg.

**Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam):** Tuan Yang di-Pertua, setelah berpisah dengan Dewan Parlimen selama empat setengah tahun, kini saya berpeluang untuk mewakili rakyat Malaysia amnya dan memilih-pemilih di kawasan Bukit Mertajam khasnya untuk menyuarakan segala hasrat mereka. Di sini saya rasa gembira bercampur dengan dukacita. Saya merasa gembira kerana saya dapat kembali ke sini. Dukacita adalah kerana di dalam negara yang berbilang kaum ini, matlamat utama untuk menyatupadukan rakyat jelata bukan sahaja tidak dapat dipertingkatkan dalam masa empat setengah tahun ini, malahan ia telah lebih jauh daripadanya.

Saya yakin bahawa di dalam Dewan yang mulia ini tidak ada sesiapa pun akan bersetuju dengan kenyataan bahawa matlamat perpaduan nasional telah tercapai. Ini adalah disebabkan setiap orang rakyat masih sedikit sebanyak dipengaruhi oleh sentimen perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, kenapakah sentimen atau perasaan perkauman yang tidak sihat ini boleh wujud? Memang yang paling mudah untuk menolak tanggungjawab ialah menuduh si anu-si anu atau mana-mana satu parti yang membangkitkannya.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan seperti ini sudah tentu tidak diterima oleh sesiapa yang berfikiran sihat.

Oleh kerana sekiranya tuduhan ini benar, maka senanglah bagi Kerajaan menyelesaikan perkara ini dengan menahan atau menangkap sesiapa yang membangkitkan perkara ini ataupun mengharamkan mana-mana parti yang menimbulkan perkara ini. Dengan demikian, bukanlah dapat kita mencapai matlamat perpaduan nasional. Tetapi adakah masalah perkauman ini dapat diselesaikan semudah begini? Jawapannya ialah tidak sama sekali. Padahal timbulnya emosi perkauman di negara ini adalah disebabkan oleh perasaan.

Adalah amat sukar untuk menimbulkan emosi perkauman sekiranya kesan perasaan layanan yang buruk tidak wujud. Apatah lagi Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan setelah kejadian peristiwa 13hb Mei, boleh dikatakan semua rakyat Malaysia menentang perkauman ini dengan sehabis-habisnya. Namun demikian, malangnya negara ini masih terdapat parti-parti politik yang berdasarkan kepentingan kaum seperti UMNO, MCA dan MIC dan UMNOlah mengawal dan mengepalai semuanya oleh kerana mahu menjaga dan mengukuhkan kedudukan diri sendiri dalam Kerajaan dan parti, maka pemimpin-pemimpinnya. . . .

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan. Boleh beri?

**Tuan Chian Heng Kai:** Tuan Yang di-Pertua, masa sudah tidak cukup. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Dia tidak beri, masa sudah suntuk.

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya. Bagi menjaga dan mengukuhkan diri sendiri dalam Kerajaan dan parti, maka pemimpin-pemimpinnya sering berlumba-lumba untuk mencadang serta menjalankan dasar-dasar yang berupa memberi faedah kepada kaumnya sendiri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, emosi perkauman bukan Melayu adalah tidak seperti apa yang dituduh oleh MCA dan GERAKAN bahawa ia disebabkan oleh penyelewengan dasar-dasar Kerajaan. Bagi rakyat kaum Melayu, keadaan mereka lagi kasihan, mengecewakan dan menghampakan, sedangkan setengah-setengah mereka bergelamun di dalam dasar-dasar Barisan Nasional yang dikatakan berfaedah dan menguntungkan mereka dan mereka terus menerus mengundi UMNO. Keistimewaan kaum Melayu sedikit demi sedikit tergadai dan dinikmati oleh kunci-kunci UMNO, iaitu segelintir orang-orang Melayu, orang Tionghua dan India. Akibatnya kebanyakan orang Melayu hanya dapat menikmati hak-hak keistimewaan bumiputera dalam nama sahaja. Tetapi sebenarnya kehidupan mereka masih seperti di dalam zaman penjajahan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya buktikan dasar-dasar perkauman

Barisan Nasional dari aspek politik, ekonomi, kebudayaan, pelajaran dan agama:

*Politik:* Amalan pembahagian kawasan pilihanraya dalam negara kita adalah lebih mementingkan luar bandar daripada bandar. Oleh kerana itu maka terjadilah satu undi di luar bandar setanding dengan tiga undi di bandar. Bagi penduduk bukan Melayu perkara ini dianggap sangat perkauman oleh kerana kebanyakan penduduk bandar adalah terdiri daripada orang-orang bukan Melayu, terutamanya orang Tionghua, sedangkan kebanyakan penduduk di luar bandar adalah orang Melayu. Di Semenanjung Malaysia terdapat lebih daripada 40% penduduknya kaum bukan Melayu akan tetapi mereka hanya dapat memberi kira-kira 30% lebih ahli Parlimen sahaja. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung esok.

**Tuan Chian Heng Kai:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*